



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 17**

**AKTA IMIGRESEN**

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 17**

**IMIGRESEN**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Lantikan Pengawal dan pegawai lain
4. Menjalankan kuasa

BAHAGIAN II

KEBENARAN MASUK KE NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

5. Masuk ke Negara Brunei Darussalam.
6. Kawalan masuk ke Negara Brunei Darussalam
7. Hak masuk
8. Pendatang yang dilarang masuk
9. Kuasa untuk melarang atau menghadkan kemasukan ke Negara Brunei Darussalam

BAHAGIAN III

PERMIT MASUK DAN MASUK SEMULA

10. Permit Masuk
11. Permit Masuk Semula
12. Pencatatan nama isteri dan anak-anak dalam Permit Masuk dan Masuk Semula
13. Kuasa untuk membuat siasatan
14. Pembatalan Permit
15. Kesan pembatalan atau habis tempoh Permit atau Pas

**BAHAGIAN IV**

**TATACARA APABILA TIBA DI DAN BERLEPAS  
DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

16. Isyarat Imigresen
17. Kapal atau bot terbang hendaklah pergi ke Tambatan Imigresen atau tempat lain yang diperintahkan oleh Pegawai Imigresen
18. Pesawat udara yang tiba di atau berlepas dari Negara Brunei Darussalam
19. Orang-orang hendaklah tidak menaiki atau meninggalkan kapal atau bot terbang sehingga pemeriksaan selesai
20. Larangan apabila turun dari kapal atau bot terbang tanpa kebenaran Pegawai Imigresen
21. Larangan memindahkan barang sebelum diperiksa
22. Pengemukaan senarai-senarai tertentu dan orang-orang oleh juragan-juragan kapal
23. Pengemukaan senarai-senarai dan orang-orang oleh kapten pesawat udara
24. Pemeriksaan orang-orang yang tiba dengan jalan laut
25. Pemeriksaan orang-orang yang tiba di lapangan terbang yang dibenarkan
26. Pemeriksaan orang-orang yang memasuki Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat atau di suatu tempat selain dari lapangan terbang yang dibenarkan
27. Kuasa untuk menghantar orang ke depot imigresen
28. Menyoal-siasat pengembara
29. Pemeriksaan perubatan
30. Pegawai Imigresen boleh memberikan arahan untuk mencegah pengelakan pemeriksaan

BAHAGIAN V

PENGUSIRAN DARI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

31. Pengusiran pendatang yang dilarang masuk dari Negara Brunei Darussalam
32. Pengusiran pendatang haram
33. Pengusiran orang-orang yang tinggal secara haram di Negara Brunei Darussalam
34. Penahanan orang-orang yang diperintahkan supaya diusir
35. Kuasa untuk menangkap orang yang boleh diusir
36. Kembali secara haram selepas diusir

BAHAGIAN VI

RAMPAIAN

37. Perlaksanaan kewajipan Pegawai-pegawai Imigresen
38. Kuasa Pegawai Imigresen untuk menangkap
39. Kuasa untuk menyaman saksi-saksi, dsb.
40. Kewajipan pegawai-pegawai Polis untuk menjalankan perintah
41. Perlepasan kapal atau pesawat udara ke Negara Brunei Darussalam hendaklah dilaporkan
42. Sekatan memberhentikan ahli krew
43. Menandatangani atau membawa sebagai salah seorang krew mana-mana orang dengan niat hendak mendapat berlawanan dengan Akta ini
44. Jaminan untuk mencegah pendaratan secara haram

45. Laporan tentang orang-orang yang gagal meneruskan perjalanannya
  46. Pemulangan
  47. Juragan dan orang lain adalah bertanggungan terhadap perbelanjaan
  48. Kewajipan untuk memberi tambang percuma
  49. Kuasa untuk menahan kapal atau pesawat udara
  50. Kuasa untuk menangkap dan memeriksa
  51. Pendaftaran butir-butir bagi maksud-maksud pengenalan
  52. Keratan dan salinan sebagai keterangan *prima facie*.
  53. Peraturan-peraturan
  54. Kuasa untuk mengecualikan dari syarat-syarat Akta
  55. Kesalahan-kesalahan
  56. Tindakan hendaklah tidak menyentuh tanggungan untuk mengusir
  - 56A. Anggapan berhubung dengan kesalahan-kesalahan tertentu
  57. Bila kelepasan kapal atau pesawat udara boleh ditolak
  58. Hukuman am
  59. Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang-kuasa penuh
  60. Mendapatkan kembali hutang, dsb.
  61. Pengecualian
-

**AKTA IMIGRESEN**

23 tahun  
1956  
12 tahun  
1957  
S. 99/59  
1 tahun  
1962  
24 tahun  
1967  
S. 1/85  
S. 17/87  
S. 54/89  
S. 24/90

**Satu Akta mengawal Imigresen ke Negara Brunei Darussalam.**

S. 41/58

*Permulaan kuatkuasa : Ihb Julai 1958***BAHAGIAN I****PERMULAAN**

Gelaran pendek

Tafsiran

- 1.** Akta ini boleh digelar sebagai Akta Imigresen.
- 2.** Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pesawat udara” termasuk bot terbang ;

“lapangan terbang yang dibenarkan”, “tempat pendaratan yang dibenarkan” dan “tempat masuk yang dibenarkan” masing-masing bermakna sesebuah lapangan terbang, tempat pendaratan atau tempat masuk yang diisyiharkan sebagai lapangan terbang, tempat pendaratan atau tempat masuk yang dibenarkan mengikut mana yang berkenaan, di bawah ceraian (1) dari bab 5 ;

“Pengawal” bermakna Pengawal Imigresen yang dilantik di bawah bab 3 ;

“krew” termasuk tiap-tiap kelas di atas sesebuah kapal, dan tiap-tiap orang yang digaji dalam pengendalian sesebuah pesawat udara atau dalam sebarang

perkhidmatan yang diberikan kepada krew atau penumpang-penumpang pesawat udara itu semasa dalam penerbangan ;

“masuk” bermakna —

(a) dalam hal seseorang yang tiba dengan jalan laut, turun di Negara Brunei Darussalam dari kapal yang dia tiba dengannya ;

(b) dalam hal seseorang yang tiba di sesebuah lapangan terbang yang dibenarkan dengan jalan udara, meninggalkan lingkungan lapangan terbang itu ;

(c) dalam hal seseorang yang memasuki dengan jalan darat dan pergi ke suatu pos kawalan imigresen menurut bab 26, meninggalkan lingkungan pos itu bagi sebarang maksud selain dari maksud berlepas dari Negara Brunei Darussalam dengan suatu laluan yang dibenarkan ke suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam ; dan

(d) dalam sebarang hal lain sebarang kemasukan ke Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat, laut atau udara ;

Dengan syarat bahawa tidaklah termasuk dalam sebarang hal suatu kemasukan yang dibuat bagi maksud mematuhi Akta ini atau suatu kemasukan yang dibenarkan dengan nyata atau secara tersirat oleh seseorang Pegawai Imigresen bagi maksud suatu siasatan, tindakan atau penahanan di bawah syarat-syarat Akta ini ;

“Permit Masuk” bermakna suatu Permit untuk memasuki dan termasuk suatu Permit untuk tinggal di Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan di bawah syarat-syarat bab 10 ;

“keluarga” bermakna isteri dan anak-anak yang berumur 18 tahun ke bawah ;

“bot terbang” bermakna sebarang pesawat udara yang direka bentuk untuk mendarat, dan terapung di atas air ;

“melindungi” termasuk memberi makanan atau perlindungan dan perbuatan membantu seseorang dalam apajua carapun untuk mengelakkan tangkapan ;

“pos kawalan imigresen” bermakna suatu pos yang didirikan sedemikian oleh Pengawal di suatu tempat yang diisyiharkan sebagai pos kawalan imigresen di bawah bab 5 ;

“depot imigresen” bermakna sebarang tempat yang ditetapkan atau dibenarkan oleh Pengawal untuk penyelidikan, pemeriksaan atau penahanan orang-orang di bawah Akta ini ;

“Pegawai Imigresen” bermakna Pengawal dan mana-mana orang yang dilantik di bawah bab 3 dan termasuk seseorang Pegawai Imigresen Kanan ;

“isyarat imigresen” bermakna isyarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan untuk kapal-kapal yang tiba di Negara Brunei Darussalam ;

“juragan” bermakna berkenaan dengan sesebuah kapal mana-mana orang yang memerintah kapal itu dan berkenaan dengan sesebuah pesawat udara kapten pesawat udara itu ;

“pegawai kastam” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Kastam ;

“Pas” bermakna sebarang Pas yang dikeluarkan di bawah syarat-syarat sebarang peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang memberi hak kepada pemegangnya untuk memasuki dan tinggal sementara di Negara Brunei Darussalam ;

“penumpang” bermakna mana-mana orang yang dibawa di dalam sesebuah kapal atau pesawat udara, selain dari mana-mana ahli krew ;

“Permit” termasuk suatu Permit Masuk dan Permit Masuk Semula ;

“Pegawai Pelabuhan” termasuk mana-mana juragan perkapalan atau pegawai lain yang menunaikan kewajipan seorang juragan perkapalan ;

“pendatang yang dilarang masuk” bermakna seseorang yang diisyiharkan sebagai pendatang yang dilarang masuk di bawah bab 8 ;

“Permit Masuk Semula” bermakna suatu Permit untuk memasuki semula Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan di bawah syarat-syarat bab 11 ;

“kelasi” termasuk juragan dan mana-mana orang yang dibawa di dalam sesebuah kapal sebagai ahli kakitangan *bona fide* yang digaji dalam pengendalian atau perkhidmatan kapal itu dan, jika kapal itu mempunyai tataurusan, dicatat dalam tataurusan itu ;

“Pegawai Imigresen Kanan” bermakna seseorang Pegawai Imigresen Kanan yang dilantik di bawah bab 3 dan mana-mana orang lain yang dilantik di bawahnya yang berpangkat Penolong Pengawal atau ke atas ;

“penumpang gelap” bermakna seseorang yang pergi ke laut yang disembunyikan di dalam sesebuah kapal tanpa persetujuan juragan atau orang lain yang menjaga kapal itu atau seseorang yang berhak memberi persetujuan itu dan termasuk seseorang yang tiba di Negara Brunei Darussalam dengan sebarang pesawat udara yang dinaikinya tanpa persetujuan juragan atau seseorang yang berhak memberi persetujuan itu ;

“penumpang terus” bermakna mana-mana penumpang yang tiba di Negara Brunei Darussalam dengan sesebuah kapal atau pesawat udara dan yang meneruskan perjalanannya di dalam kapal atau pesawat udara yang sama ke suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam ;

“syarikat pengangkutan” bermakna mana-mana kerajaan, perbandaran, pertubuhan perbadanan, atau pertubuhan, firma atau orang yang menjalankan atau mengadakan pengangkutan penumpang, sama ada dengan kapal, pesawat udara, keretapi, lebuhraya ataupun sebaliknya, dan termasuk mana-mana 2 buah syarikat pengangkutan itu atau lebih yang bekerjasama dalam perniagaan membawa penumpang-penumpang ;

“dokumen perjalanan” termasuk suatu pasport yang diiktiraf antarabangsa, suatu sijil pengenalan dan sebarang dokumen yang sama, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang diiktiraf oleh Pengawal ;

Lantikan  
Pengawal dan  
pegawai  
lain

**3.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Pengawal Imigresen dan Timbalan-Timbalan Pengawal, Penolong Penolong Pengawal, Pegawai-pegawai Imigresen Kanan dan pegawai-pegawai lain sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh baginda untuk menjalankan dengan sepatutnya syarat-syarat Akta ini.

Menjalankan  
kuasa

**4.** Kuasa dan budibicara yang terletak pada Pengawal menurut Akta ini dan kewajipan yang dikehendaki untuk ditunaikan olehnya boleh dijalankan dan ditunaikan, tertakluk kepada batasan-batasan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53, oleh seseorang Timbalan Pengawal, dan oleh seseorang Penolong Pengawal atau seseorang Pegawai Imigresen Kanan yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengawal.

## BAHAGIAN II

KEBENARAN MASUK KE NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

5. (1) Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan laluan-laluan yang dibenarkan dan mengisyiharkan pos-pos kawalan imigresen, tempat-tempat pendaratan, lapangan terbang-lapangan terbang atau tempat-tempat masuk, sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi maksud-maksud Akta ini; sebagai pos-pos kawalan imigresen, tempat-tempat pendaratan, lapangan terbang-lapangan terbang atau tempat-tempat masuk yang dibenarkan mengikut mana yang berkenaan, dan tiada sesiapapun boleh memasuki Negara Brunei Darussalam, melainkan jika terpaksa kerana mendapat kemalangan atau sebab lain yang munasabah, dari sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam kecuali di suatu tempat pendaratan, lapangan terbang atau tempat masuk yang dibenarkan.

Masuk ke  
Negara  
Brunei  
Darussalam

(2) Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan laluan-laluan yang dibenarkan dan mengisyiharkan pos-pos kawalan imigresen, tempat-tempat naik, lapangan terbang yang dibenarkan, tempat-tempat berlepas yang dibenarkan atau tempat bertolak yang dibenarkan, mengikut mana yang berkenaan, dan tiada sesiapapun boleh meninggalkan Negara Brunei Darussalam, melainkan jika terpaksa kerana mendapat kemalangan atau sebab lain yang munasabah, kecuali di suatu tempat naik, lapangan terbang, tempat berlepas atau tempat bertolak yang dibenarkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat ceraian (1) atau (2) dari bab ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta ini.

Kawalan  
masuk ke  
Negara  
Brunei  
Darussalam

**6.** (1) Tiada sesiapapun selain dari warganegara Negara Brunei Darussalam boleh memasuki Negara Brunei Darussalam dari sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam melainkan jika —

- (a) dia memiliki suatu Permit Masuk atau Permit Masuk Semula yang sah yang dikeluarkan secara sah kepadanya di bawah syarat-syarat bab 10 atau 11 ;
- (b) namanya dicatatkan dalam suatu Permit Masuk atau Permit Masuk Semula yang sah menurut syarat-syarat bab 12 dan bahawa dia disertai oleh pemegang Permit itu ;
- (c) dia memiliki suatu Pas yang sah yang dikeluarkan secara sah kepadanya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam ;
- (d) dia memiliki suatu Permit Mastautin yang sah yang dikeluarkan secara sah kepadanya ; atau
- (e) dia dikecualikan dari syarat-syarat bab ini dengan suatu perintah yang dibuat di bawah bab 54.

(2) Mana-mana orang yang telah memasuki atau tinggal di Negara Brunei Darussalam menurut suatu pas yang dikeluarkan secara sah di bawah Akta ini hendaklah mengisi borang naik dan mengemukakannya berserta dengan pasport atau dokumen perjalananya yang lain untuk pemeriksaan oleh seseorang pegawai imigresen pada waktu dia meninggalkan Negara Brunei Darussalam.

(3) Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat ceraian (1) atau (2) dari bab ini adalah melakukan kesalahan.

Hak masuk

**7.** (1) Seseorang warganegara Negara Brunei Darussalam berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam tanpa mendapatkan suatu permit atau pas bagi maksud itu di bawah Akta ini.

(2) Beban membuktikan bahawa mana-mana orang adalah warganegara Negara Brunei Darussalam terletak pada orang itu.

**8. (1)** Mana-mana orang yang pada pendapat Pengawal —

(a) bukan warganegara Negara Brunei Darussalam ; dan

(b) merupakan ahli mana-mana golongan yang dilarang masuk sebagaimana yang ditakrifkan dalam ceraian (2) ;

adalah pendatang yang dilarang masuk dan, tertakluk kepada sebarang pengecualian yang diberikan di bawah syarat-syarat bab 54, maka adalah menyalahi undang-undang baginya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dari sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat, laut atau udara melainkan jika dia memiliki suatu Pas yang sah bagi maksud itu yang boleh dikeluarkan kepada seseorang pendatang yang dilarang masuk di bawah syarat-syarat sebarang peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**(2)** Orang-orang yang berikut adalah ahli-ahli golongan yang dilarang masuk —

(a) mana-mana orang yang tidak dapat membuktikan bahawa dia mempunyai cara bagi menafkahi dirinya atau tanggungannya, jika ada, atau bahawa dia mempunyai pekerjaan yang tetap menunggunya atau yang mungkin menjadi seorang pengemis atau menjadi tanggungan awam ;

(b) mana-mana orang yang menderita sakit otak atau seorang yang cacat otak ;

(c) mana-mana orang —

(i) yang enggan patuh kepada pemeriksaan perubatan selepas dikehendaki berbuat

Pendatang  
yang  
dilarang  
masuk

demikian di bawah syarat-syarat bab 29 ; atau

(ii) disahkan oleh seseorang pegawai perubatan Kerajaan atau seseorang pengamal perubatan,, selepas menjalani pemeriksaan di bawah syarat-syarat bab 29, sebagai menderita penyakit menular atau berjangkit yang menyebabkan kehadirannya di Negara Brunei Darussalam berbahaya kepada masyarakat ;

(d) mana-mana orang yang —

(i) telah disabitkan atas suatu kesalahan di mana-mana negara atau negeri dalam mana hukuman penjara telah dijatuhkan ke atasnya selama sebarang tempoh ;

(ii) telah tidak menerima pengampunan ; dan

(iii) dengan sebab hal-hal yang berkaitan dengan sabitan itu dianggap oleh Pengawal sebagai pendatang yang tidak diingini ;

(e) mana-mana pelacur, atau mana-mana orang, yang hidup atas atau menerima, atau yang, sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam, hidup atas atau menerima, hasil pelacuran ;

(f) mana-mana orang yang mendapatkan atau cuba membawa masuk ke Negara Brunei Darussalam pelacur-pelacur atau wanita-wanita atau gadis-gadis bagi maksud pelacuran atau maksud-maksud lucah yang lain ;

(g) kuturayau atau kaki minta sedekah ;

(h) mana-mana orang yang kemasukannya ke atau kehadirannya di Negara Brunei Darussalam, atau pada waktu kemasukannya, adalah menyalahi undang-undang di bawah Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain yang berkuatkuasa pada waktu itu ;

(i) mana-mana orang yang mempercayai atau menyokong penggulingan dengan cara kekerasan atau kekejaman Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan mana-mana wilayah di dalam Komanwel atau undang-undang atau kuasa berperlembagaan atau yang tidak mempercayai atau bertentangan dengan kerajaan berancang, atau yang menyokong pembunuhan pegawai-pegawai awam, atau yang menyokong atau mengajar pemusnahan harta dengan menyalahi undang-undang ;

(j) mana-mana orang yang menjadi ahli atau bergabung dengan mana-mana pertubuhan yang melayan atau mengajar supaya tidak mempercayai atau bertentangan dengan kerajaan berancang atau menyokong atau mengajar kewajipan, perlunya atau patut tidaknya melakukan serangan atau pembunuhan mana-mana pegawai atau pegawai-pegawai dengan menyalahi undang-undang, sama ada individu-individu atau pegawai-pegawai tertentu pada amnya, Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan mana-mana wilayah di dalam Komanwel atau mana-mana kerajaan berancang yang lain, kerana sifat rasminya, atau menyokong atau mengajar pemusnahan harta dengan menyalahi undang-undang ;

(k) mana-mana orang yang, akibat dari maklumat yang diterima dari sebarang sumber yang dianggap oleh Pengawal sebagai boleh dipercayai, atau dari mana-mana kerajaan, melalui saluran-saluran rasmi atau diplomatik, dianggap oleh Pengawal sebagai pendatang yang tidak diingini ;

(l) mana-mana orang yang telah diusir dari mana-mana negara atau negeri oleh kerajaan negara atau negeri itu atas pemulangan kerana sebarang sebab apapun dan yang dianggap, dengan sebab hal-hal yang berkaitan dengannya, oleh Pengawal sebagai pendatang yang tidak diingini ;

(m) mana-mana orang yang, dikehendaki oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada waktu itu supaya memiliki dokumen-dokumen perjalanan yang sah, tidak memiliki dokumen-dokumen itu atau memiliki dokumen-dokumen perjalanan yang palsu atau diubah yang tidak mematuhi dengan sepenuhnya sebarang undang-undang bertulis itu ;

(n) mana-mana orang selain dari rakyat Brunei yang tidak dapat membuktikan bahawa dia mahu dan sebenarnya boleh kembali ke sesebuah negara di luar Negara Brunei Darussalam ;

(o) keluarga atau tanggungan seseorang pendatang yang dilarang masuk ; dan

(p) mana-mana orang yang dilarang dengan perintah yang dibuat di bawah bab 9 dari memasuki Negara Brunei Darussalam.

(3) Beban membuktikan bahawa mana-mana orang yang bertujuan hendak memasuki Negara Brunei Darussalam adalah bukan pendatang yang dilarang masuk terletak pada orang itu.

(4) Dalam sebarang hal jika Pengawal enggan membenarkan mana-mana orang untuk memasuki Negara Brunei Darussalam atas alasan bahawa orang itu adalah pendatang yang dilarang masuk maka dia hendaklah memberitahunya jika dikehendaki demikian oleh orang itu mengenai golongan pendatang yang dilarang masuk, yang pada pendapat Pengawal, dia adalah ahlinya.

(5) Tertakluk kepada sebarang pengecualian yang diberikan di bawah bab 54, jika mana-mana pendatang yang dilarang masuk memasuki Negara Brunei Darussalam dengan jalan lain dari menurut suatu Pas yang sah yang dikeluarkan secara sah kepada dia maka dia adalah melakukan kesalahan.

(6) Mana-mana orang yang memiliki suatu Permit Masuk atau Permit Masuk Semula, yang dikeluarkan kepada dia di bawah syarat-syarat Akta ini dan yang, apabila dia tiba di Negara Brunei Darussalam, tidak dibenarkan masuk atas alasan bahawa dia adalah pendatang yang dilarang masuk, boleh merayu terhadap penolakan itu dalam waktu dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan, kepada Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang keputusannya adalah muktamad :

Dengan syarat bahawa, dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab-bab 24, 25 dan 26, mana-mana orang yang merayu terhadap penolakan itu hendaklah dibenarkan turun dan hendaklah ditahan di suatu depot imigresen sementara menunggu keputusan rayuannya, melainkan jika dibebaskan atas suatu Pas yang dikeluarkan atas budibicara Pengawal menurut syarat-syarat tentang pemberian jaminan ataupun sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Pengawal.

**9. (1)** Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh, dengan perintah —

(a) jika dianggapnya mustahak berbuat demikian bagi kepentingan keselamatan awam atau dengan sebab sebarang keadaan ekonomi, perindustrian, sosial, pendidikan atau keadaan lain di Negara Brunei Darussalam —

(i) melarang, sama ada bagi suatu tempoh yang dinyatakan atau buat selama-

Kuasa untuk  
melarang  
atau  
menghadkan  
kemasukan  
ke Negara  
Brunei  
Darussalam

lamanya, kemasukan atau kemasukan semula mana-mana orang atau golongan orang ke Negara Brunei Darussalam :

- (ii) menghadkan bilangan orang dari sebarang golongan yang boleh memasuki Negara Brunei Darussalam dalam sebarang tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu ; dan
- (iii) menghadkan tempoh mana-mana orang atau golongan orang yang memasuki atau memasuki semula Negara Brunei Darussalam boleh tinggal di dalamnya :

Dengan syarat sentiasa bahawa tiada perintah yang dibuat di bawah syarat-syarat perenggan ini, kecuali suatu perintah yang dibuat bagi kepentingan keselamatan awam, boleh dikenakan kepada mana-mana orang di luar Negara Brunei Darussalam pada waktu bila perintah itu dibuat dan yang memiliki suatu Permit Mastautin atau Masuk Semula yang sah yang dikeluarkan secara sah kepadanya ; dan

(b) melarang kemasukan ke Negara Brunei Darussalam penumpang-penumpang yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam oleh sebarang syarikat pengangkutan yang enggan atau lalai mematuhi atau telah enggan atau lalai mematuhi syarat-syarat Akta ini.

(2) Suatu perintah di bawah ceraian (1) dari bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada mana-mana warganegara Negara Brunei Darussalam.

(3) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah perenggan  
(a) dari ceraian (1) yang berkaitan dengan suatu golongan orang, dan tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah perenggan  
(b) dari ceraian itu, hendaklah disiarkan dalam *Warta Kera-jaan*.

(4) Mana-mana orang yang memasuki atau memasuki semula atau tinggal di Negara Brunei Darussalam dengan melanggar sebarang perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) dari bab ini adalah melakukan kesalahan.

### BAHAGIAN III

#### PERMIT MASUK DAN MASUK SEMULA

**10.** (1) Mana-mana orang yang bertujuan hendak memasuki Negara Brunei Darussalam yang tidak berhak memasukinya di bawah syarat-syarat ceraian (1) dari bab 7 atau menurut suatu Pas yang sah untuk memasuki Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan secara sah kepadanya atau yang bertujuan hendak tinggal di Negara Brunei Darussalam selepas habis tempoh Pas seumpama itu boleh membuat permohonan bagi maksud itu mengikut cara yang ditetapkan kepada Pengawal atau kepada orang lain sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau sebagaimana yang mungkin ditentukan bagi maksud itu, dari masa ke semasa, oleh Pengawal.

Permit  
Masuk

(2) Apabila permohonan dibuat di bawah ceraian (1) dan apabila membayar bayaran yang ditetapkan maka Pengawal hendaklah, jika berpuas hati bahawa pemohon adalah bukan pendatang yang dilarang masuk, mengeluarkan kepada pemohon itu suatu Permit Masuk dalam borang yang ditetapkan :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh dalam sebarang hal dalam mana dia berpuas hati bahawa adalah mungkin memudarabatkan keselamatan awam di Negara Brunei Darussalam untuk membenarkan pemohon itu memasuki atau tinggal di Negara Brunei Darussalam enggan mengeluarkan suatu Permit Masuk.

(3) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keengganan Pengawal untuk mengeluarkan kepadanya suatu Permit Masuk di bawah syarat-syarat proviso

ceraian (2) boleh dalam masa 30 hari dari pemberitahuan keengganannya merayu dengan petisyen secara bertulis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat yang keputusan baginda mengenainya adalah muktamad.

Permit  
Masuk  
Semula

**11. (1)** Mana-mana orang yang bermastautin secara sah di Negara Brunei Darussalam bukan —

- (a) pemegang suatu Pas yang sah ; atau
- (b) warganegara Negara Brunei Darussalam ;

yang bertujuan hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam secara sementara boleh membuat permohonan kepada Pengawal mengikut cara yang ditetapkan bagi pengeluaran kepadanya suatu Permit Masuk Semula yang membenarkaninya untuk memasuki semula Negara Brunei Darussalam.

(2) Apabila permohonan dibuat di bawah ceraian (1) dan apabila membayar bayaran yang ditetapkan, maka Pengawal hendaklah, jika berpuas hati bahawa pemohon adalah bukan pendatang yang dilarang masuk, dan bahawa adalah tidak mungkin memudaratkan keselamatan awam di Negara Brunei Darussalam untuk berbuat demikian, mengeluarkan kepada pemohon itu suatu Permit Masuk Semula dalam borang yang ditetapkan.

(3) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keengganannya Pengawal untuk mengeluarkan kepadanya suatu Permit Masuk Semula di bawah syarat-syarat bab ini boleh dalam masa 30 hari dari pemberitahuan keengganannya merayu dengan petisyen secara bertulis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, yang keputusan baginda mengenainya adalah muktamad.

**12.** Tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan adalah sah bagi Pengawal, atas permohonan yang dibuat bagi maksud itu dalam borang yang ditetapkan oleh pemegang, atau oleh seseorang pemohon, suatu Permit Masuk atau suatu Permit Masuk Semula, untuk mencatatkan dalam Permit yang dikeluarkan kepada orang itu nama atau nama-nama ahli keluarga orang itu.

Pencatatan  
nama isteri  
dan anak-  
anak dalam  
Permit  
Masuk dan  
Masuk  
Semula

**13.** Pengawal boleh sebelum mengeluarkan suatu Permit Masuk atau Masuk Semula di bawah Akta ini atau sebelum membuat sebarang catatan mengenainya di bawah syarat-syarat bab 12 membuat siasatan atau menghendaki pengemukaan keterangan sebagaimana yang mungkin difikirkan yang patut untuk memuaskan hatinya tentang kesahihan sebarang pernyataan yang dibuat dalam permohonan bagi mendapatkan Permit itu.

Kuasa untuk  
membuat  
siasatan

**14.** (1) Apabila pemegang sebarang Permit Masuk atau Permit Masuk Semula bertujuan hendak memasuki Negara Brunei Darussalam yang disertai oleh mana-mana anak yang namanya tidak dicatatkan dalam Permit itu di bawah syarat-syarat bab 12 dan yang sebaliknya tidak berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini, maka Pengawal boleh membatalkan Permit yang dikeluarkan kepada orang itu.

Pembatalan  
Permit

(2) Jika, apabila mana-mana orang tiba di Negara Brunei Darussalam yang telah dikeluarkan dengan suatu Permit Masuk atau Permit Masuk Semula, Pengawal berpuas hati, hasil dari siasatan yang dibuat di bawah bab 24, 25 atau 26, atau dari maklumat lain, bahawa sebarang Permit telah dikeluarkan akibat dari sebarang pernyataan palsu atau penyembunyian suatu fakta yang mustahak, maka Pengawal boleh membatalkan Permit itu.

(3) Apabila pada bila-bila masa, dalam tempoh kesahan suatu Permit Masuk atau Permit Masuk Semula, Pengawal berpuas hati bahawa pemegang Permit Masuk atau Permit Masuk Semula itu adalah pendatang yang dilarang masuk maka Pengawal hendaklah membatalkan Permit itu.

(4) Jika mana-mana orang telah memasuki Negara Brunei Darussalam menurut suatu Permit Masuk atau suatu Permit Masuk Semula, dan Pengawal berpuas hati —

(a) bahawa sebarang pernyataan mustahak yang dibuat dalam atau berhubung dengan permohonan bagi mendapatkan Permit itu adalah palsu atau mengelirukan ; atau

(b) bahawa orang itu adalah ahli mana-mana golongan yang dilarang masuk yang ditakrifkan dalam ceraian (2) dari bab 8 ;

Pengawal boleh, melainkan jika orang itu berhak pada waktu masuk itu, atau telah menjadi berhak kemudiannya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) dari bab 7, mengisyiharkan pada bila-bila masa dalam masa 2 tahun selepas tarikh masuk itu, bahawa kehadiran orang itu di Negara Brunei Darussalam adalah menyalahi undang-undang.

Kesan  
pembatalan  
atau habis  
tempoh  
Permit  
atau Pas

15. (1) Adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang untuk tinggal di Negara Brunei Darussalam selepas pembatalan sebarang Permit Masuk atau Permit Masuk Semula atau selepas membuat suatu pengakuan di bawah bab 14 (4) atau habis tempoh atau pembatalan sebarang Pas berkenaan dengan atau yang dikeluarkan kepada danya melainkan jika dia berhak sebaliknya atau dibenarkan untuk tinggal di Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah melanggar syarat-syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

## BAHAGIAN IV

TATACARA APABILA TIBA DI DAN BERLEPAS  
DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**16.** (1) Tertakluk kepada syarat-syarat ceraian (2) juragan tiap-tiap kapal yang tiba di atau yang hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam hendaklah menaikkan isyarat imigresen yang ditetapkan dan hendaklah mempamerkan isyarat itu sehingga dibenarkan oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan supaya ianya diturunkan.

Isyarat  
Imigresen

(2) Syarat-syarat ceraian (1) hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang kapal yang hanya belayar berulang-alik antara pelabuhan-pelabuhan di Negara Brunei Darussalam.

(3) Juragan sebarang kapal yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

**17.** (1) Pengawal boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan sebarang tempat di sebarang sungai atau dalam perairan wilayah Negara Brunei Darussalam sebagai Tambatan Imigresen, sama ada bagi kapal-kapal pada amnya atau bagi kapal-kapal dari kelas yang diisyatkan dalam kenyataan itu atau bagi bot-bot terbang, dan juragan sebarang kapal atau bot terbang yang tiba di atau yang hendak meninggalkan suatu tempat jika suatu Tambatan Imigresen, sama ada bagi kapal-kapal pada amnya atau bagi kapal-kapal dari kelas kapal itu tergolong atau bagi bot-bot terbang, telah diisyatiharkan hendaklah, tertakluk kepada sebarang arahan yang diberikan di bawah ceraian (3), me-layarkan dengan serta-merta kapal atau bot terbangnya ke tambatan itu dan hendaklah berada di sana sehingga seseorang Pegawai Imigresen memberinya kebenaran untuk pergi.

Kapal atau  
bot terbang  
hendaklah  
pergi ke  
Tambatan  
Imigresen  
atau tempat  
lain yang  
diperintah-  
kan oleh  
Pegawai  
Imigresen

(2) Tiada kapal atau bot terbang yang membawa penumpang-penumpang, selain dari sesebuah kapal yang hanya belayar berulang-alik antara pelabuhan-pelabuhan di Negara Brunei Darussalam, boleh pergi ke sebarang tempat di Negara Brunei Darussalam selain dari suatu tempat di mana suatu Tambatan Imigresen telah diisytiharkan di bawah ceraian (1).

(3) Juragan tiap-tiap kapal atau bot terbang yang tiba di atau yang hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam hendaklah, jika diperintahkan demikian oleh seseorang Pegawai Imigresen, melabuhkan atau menambat kapal atau bot terbangnya, di tempat sebagaimana yang mungkin diperintahkan, dan hendaklah berada di sana sehingga seseorang Pegawai Imigresen memberinya kebenaran untuk pergi.

(4) Juragan sebarang kapal atau bot terbang yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat bab ini yang terdahulu atau sebarang perintah yang dibuat atau arahan yang diberikan di bawahnya adalah melakukan kesalahan.

Pesawat udara yang tiba di atau berlepas dari Negara Brunei Darussalam

**18.** (1) Kapten tiap-tiap pesawat udara yang tiba di atau yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam hendaklah mendaratkan pesawat udaranya di atau menerbangkan pesawat udaranya dari sesebuah lapangan terbang yang dibenarkan.

(2) Kapten sebarang pesawat udara yang, tanpa alasan yang munasabah, melanggar atau gagal mematuhi syarat-syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

(3) Dalam bab ini "mendarat" termasuk mendarat di atas air.

Orang-orang hendaklah tidak menaiki atau meninggalkan kapal atau bot terbang sehingga pemeriksaan selesai

**19.** (1) Kecuali di bawah dan menurut sebarang kebenaran yang diberikan oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan, tiada sesiapapun selain dari —

- (a) jurumudi kapal ;
- (b) mana-mana pegawai Kerajaan yang menaiki kapal atau bot terbang yang bertugas ;

- (c) tuanpunya, pencatar atau agen kapal atau bot terbang ; atau
- (d) seseorang wakil Konsul ke Negara Brunei Darussalam dari negara atau negeri kapal atau bot terbang itu berasal, atau, jika kapal atau bot terbang itu berasal dari sesebuah negara dalam 'Komanwel, seseorang wakil yang ditauliahkan di Negara Brunei Darussalam dari Kerajaan negara itu ;

boleh meninggalkan atau menaiki sesebuah kapal atau bot terbang yang tiba di Negara Brunei Darussalam, dan juga mana-mana orang (selain dari krew sesebuah kapal yang membawa mana-mana orang itu) tidak boleh mendekati dalam lingkungan 30 kaki dari kapal atau bot terbang itu, sehingga kapal atau bot terbang itu telah diperiksa oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan dan, dalam hal sesebuah kapal, isyarat imigresen telah diturunkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar sebarang syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan, dan tiap-tiap orang itu yang meninggalkan sesebuah kapal atau bot terbang dengan melanggar ceraian (1) hendaklah jika dikehendaki demikian oleh seseorang Pegawai Imigresen kembali dengan segera ke kapal atau bot terbang itu dan berada di atasnya dan juragan kapal atau bot terbang itu adalah terikat supaya orang itu naik semula atau menaiki sesebuah kapal yang bertolak dari Negara Brunei Darussalam selepas kapal itu telah diperiksa oleh seseorang Pegawai Imigresen sejurus sebelum kapal itu bertolak.

**20.** (1) Adalah menjadi kewajipan juragan, dan tuanpunya, pencatar atau agen, tiap-tiap kapal atau bot terbang yang tiba di Negara Brunei Darussalam untuk mencegah mana-mana orang di dalam kapal selain dari seseorang yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d) ceraian (1) dari bab 19 dari turun dari kapal atau bot terbang itu sehingga seseorang Pegawai Imigresen Kanan membenarkannya turun, dan bagi maksud itu apajua cara yang perlu yang munasabah boleh digunakan.

Larangan  
apabila turun  
dari kapal  
atau bot  
terbang tanpa  
kebenaran  
Pegawai  
Imigresen

(2) Apabila mana-mana orang turun dari sebarang kapal atau bot terbang sebelum seseorang Pegawai Imigresen Kanan membenarkannya turun, maka orang, juragan, tuanpunya, pencatar atau agen kapal atau bot terbang itu adalah tiap-tiap seorang melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$4,000 dan penjara selama satu tahun, dan —

(a) tidaklah ada pembelaan terhadap suatu pendakwaan di bawah bab ini bahawa juragan, tuanpunya, pencatar atau agen itu, tidak membenarkan atau melakukan sesuatu untuk memudahkan mana-mana orang itu turun ; dan

(b) adalah suatu pembelaan yang baik terhadap suatu pendakwaan di bawah bab ini bahawa juragan, tuanpunya, pencatar atau agen itu, mengambil setiap langkah yang munasabah untuk mencegah mana-mana orang itu dari turun.

(3) Juragan kapal atau bot terbang yang darinya mana-mana orang turun sebelum seseorang Pegawai Imigresen Kanan membenarkannya turun adalah terikat supaya orang itu naik semula dan mana-mana juragan yang enggan membenarkan orang itu naik semula adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$4,000 dan penjara selama satu tahun.

Larangan  
memindahkan  
barang  
sebelum  
diperiksa

21. (1) Kecuali dengan kebenaran seseorang Pegawai Imigresen Kanan, tiada barang atau benda boleh dipindahkan atau diambil dari, atau diletakkan ke dalam, sebarang kapal atau bot terbang sehingga kapal atau bot terbang itu telah diperiksa oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan di bawah bab 19.

(2) Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

**22.** (1) Juragan tiap-tiap kapal yang tiba di atau yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam hendaklah, apabila dikehendaki berbuat demikian oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan —

Pengemukaan senarai-senarai tertentu dan orang-orang oleh juragan-juragan kapal

- (a) mempamerkan kepada pegawai itu suatu senarai lengkap ahli-ahli krew dalam borang dan mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan ;
- (b) mengemukakan kepada pegawai itu untuk pemeriksaan dan soal-siasat semua ahli krew ;
- (c) memberikan kepada pegawai itu dalam tiga salinan kad-kad pengenalan tiap-tiap ahli krew dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan ;
- (d) patuh kepada pemeriksaan kapalnya sebagaimana yang mungkin perlu untuk mempastikan tentang adanya atau tiadanya orang lain di dalam kapal ;
- (e) mengemukakan surat-surat kapalnya ; dan
- (f) melaporkan tentang adanya di dalam kapal mana-mana penumpang gelap atau mana-mana orang yang tidak dibenarkan atau mana-mana orang yang pergi ke mana-mana negeri atau negara apabila dia diusir dari mana-mana negeri atau negara lain oleh pihak-pihak berkuasa yang layak negeri atau negara itu.

(2) Dalam hal kapal-kapal yang membawa penumpang juragan hendaklah mengemukakan, selain dari —

- (a) suatu senarai lengkap semua penumpang dalam borang dan mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan ;
- (b) berkenaan dengan tiap-tiap penumpang yang turun di atau yang naik dari Negara Brunei Darussalam butir-butir itu dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan ;

(c) semua penumpang untuk pemeriksaan dan soal-siasat.

(3) Juragan sebarang kapal yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat ceraian (1) atau (2), dan mana-mana orang yang menghalang atau mengadang sebarang pemeriksaan sesebuah kapal di bawah perenggan (d) dari ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

(4) Jika mana-mana orang didapati berada di dalam sesebuah kapal yang kehadirannya seharusnya, tetapi telah tidak, dilaporkan menurut perenggan (f) dari ceraian (1), maka juragan kapal itu adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$1,000 berkaitan dengan tiap-tiap orang itu.

(5) Dalam sebarang tindakan di bawah bab ini perakuan secara bertulis daripada seseorang Pegawai Imigresen Kanan yang menaiki atau memeriksa sebarang kapal tertentu yang bermaksud bahawa kapal itu membawa apabila tiba di Negara Brunei Darussalam sejumlah kelasi yang perihalnya bersamaan dengan butir-butir dalam kad-kad pengenalan yang diberikan di bawah perenggan (c) dari ceraian (1) adalah bukti muktamad bahawa kapal itu ada membawa apabila tiba sejumlah kelasi.

Pengemukaan senarai-senarai dan orang-orang oleh kapten pesawat udara

**23.** (1) Kapten tiap-tiap pesawat udara yang tiba di atau yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam hendaklah apabila dikehendaki berbuat demikian oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan —

(a) mengemukakan suatu senarai penumpang sebagaimana yang ditetapkan di bawah syarat-syarat perenggan (a) ceraian (2) dari bab 22 atau menurut syarat-syarat Tambahan 9 kepada Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa ;

(b) mengemukakan berkenaan dengan tiap-tiap penumpang yang mendarat di atau yang berlepas dari Negara Brunei Darussalam butir-butir itu dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan ;

(c) mengemukakan suatu senarai lengkap ahli-ahli krew pesawat udaranya sebagaimana yang ditetapkan di bawah syarat-syarat perenggan (a) ceraian (1) dari bab 22 atau menurut syarat-syarat Tambahan 9 kepada Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antara-bangsa ;

(d) mengemukakan ahli-ahli krew dan penumpang-penumpang pesawat udara itu untuk pemeriksaan dan soal-siasat sebagaimana yang diarahkan sama ada pada amnya atau dengan khasnya oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan ;

(e) patuh kepada pemeriksaan pesawat udaranya sebagaimana yang mungkin perlu untuk mempastikan tentang adanya atau tiadanya orang lain yang belum dikemukakan di bawah ceraian ini ; dan

(f) melaporkan tentang adanya di dalam kapal mana-mana penumpang gelap atau mana-mana orang yang tidak dibenarkan atau mana-mana orang yang pergi ke mana-mana negeri atau negara apabila dia diusir dari mana-mana negeri atau negara lain oleh pihak-pihak berkuasa yang layak negeri atau negara itu.

(2) Kapten mana-mana pesawat udara yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat ceraian (1), dan mana-mana orang yang menghalang atau mengadang sebarang pemeriksaan sesebuah pesawat udara di bawah perenggan (e) dari ceraian itu, adalah melakukan kesalahan.

(3) Jika mana-mana orang didapati berada di dalam sesebuah pesawat udara yang kehadirannya seharusnya, tetapi telah tidak, dilaporkan menurut perenggan (f) dari ceraian (1), maka kapten pesawat udara itu adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$1,000 berkaitan dengan tiap-tiap orang itu.

(4) Dalam sebarang tindakan di bawah bab ini perakuan secara bertulis daripada seseorang Pegawai Imigresen Kanan yang menaiki atau memeriksa mana-mana pesawat udara tertentu yang bermaksud bahawa pesawat udara itu membawa apabila tiba di Negara Brunei Darussalam sejumlah krew yang perihalnya bersamaan dengan butir-butir dalam senarai yang dikemukakan di bawah perenggan (c) dari ceraian (1) adalah bukti muktamad bahawa pesawat udara itu ada membawa apabila tiba sejumlah krew.

Pemeriksaan orang-orang yang tiba dengan jalan laut

**24.** (1) Tiap-tiap orang yang tiba dengan jalan laut yang bercadang hendak turun di Negara Brunei Darussalam hendaklah hadir di hadapan seseorang Pegawai Imigresen Kanan pada waktu dan tempat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh pegawai itu, dan pegawai itu selepas menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu, hendaklah memberitahu mana-mana orang yang dianggapnya sebagai orang yang dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya mengenai keputusannya, dan orang itu, jika masih berada di dalam kapal, hendaklah tidak turun di Negara Brunei Darussalam atau, jika turun bagi maksud-maksud pemeriksaan itu, hendaklah kembali dengan segera ke kapal dan berada di atasnya ; dan juragan kapal hendaklah juga dengan serta-merta diberitahu secara bertulis oleh Pegawai Imigresen Kanan itu mengenai keputusannya dan juragan itu hendaklah tidak membenarkan orang itu turun di Negara Brunei Darussalam, atau, jika orang itu telah turun, sama ada bagi maksud pemeriksaan ataupun tidak, adalah terikat supaya orang itu naik semula.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) enggan atau lalai hadir di hadapan seseorang Pegawai Imigresen Kanan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1) atau yang meninggalkan tempat pemeriksaan tanpa kebenaran atau dengan jalan lain dari menurut kebenaran pegawai itu ;

(b) selepas diberitahu oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan bahawa dia dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam, sama ada turun di Negara Brunei Darussalam atau enggan atau lalai kembali dengan segera ke kapalnya, mengikut mana yang berkenaan ; atau

(c) iaitu juragan sesebuah kapal, membenarkan mana-mana orang turun di Negara Brunei Darussalam, atau enggan membenarkan mana-mana orang naik semula, selepas diberitahu oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan bahawa orang itu dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam atau bahawa orang itu telah enggan atau lalai hadir di hadapan seseorang Pegawai Imigresen Kanan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1) atau bahawa dia telah meninggalkan tempat pemeriksaan tanpa kebenaran atau dengan jalan lain dari menurut kebenaran pegawai itu ;

adalah melakukan kesalahan.

(3) Apabila mana-mana orang sama ada turun di Negara Brunei Darussalam atau enggan atau lalai kembali ke kapalnya, dengan melanggar syarat-syarat bab ini, maka seseorang Pegawai Imigresen boleh menghendaki orang itu supaya kembali ke kapalnya dan boleh mengambil tindakan, termasuk penggunaan kekerasan, sebagaimana yang mungkin perlu dengan munasabah untuk memaksanya kembali, dan juragan kapal itu adalah terikat supaya orang itu naik semula dan mengusirnya dari Negara Brunei Darussalam.

(4) Juragan sesebuah kapal boleh menggunakan kekerasan sebagaimana yang mungkin perlu dengan munasabah untuk membolehkannya mematuhi syarat-syarat ceraian (1) dan (3).

**25.** (1) Tiap-tiap orang yang tiba dengan jalan udara di mana-mana lapangan terbang yang dibenarkan di Negara Brunei Darussalam dan bercadang hendak meninggalkan lingkungan lapangan terbang itu hendaklah hadir di hadapan seseorang Pegawai Imigresen Kanan pada waktu dan tempat

Pemeriksaan  
orang-orang  
yang tiba  
di lapangan  
terbang yang  
dibenarkan

sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh pegawai itu, dan pegawai itu, selepas menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu, hendaklah memberitahu mana-mana orang yang dianggapnya sebagai orang yang dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya mengenai keputusannya, dan orang itu hendaklah tidak meninggalkan lingkungan lapangan terbang itu kecuali ke suatu tempat yang dibenarkan oleh pegawai itu, dan hendaklah meninggalkan dan berlepas dari Negara Brunei Darussalam ke suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam dengan jalan pertama yang ada menurut arahan pegawai itu. Kapten pesawat udara yang dengannya orang itu tiba hendaklah, jika dikehendaki demikian oleh pegawai itu, mengusir orang itu dari Negara Brunei Darussalam dengan pesawat udara yang sama.

(2) Mana-mana orang yang —

- (a) enggan atau lalai hadir di hadapan seseorang Pegawai Imigresen Kanan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1) atau yang meninggalkan tempat pemeriksaan tanpa kebenaran atau dengan jalan lain dari menurut kebenaran pegawai itu ;
- (b) selepas diberitahu oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan bahawa dia dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam, meninggalkan lingkungan sesebuah lapangan terbang tanpa kebenaran pegawai itu, atau enggan atau lalai pergi ke suatu tempat atau berada di suatu tempat yang dibenarkan oleh pegawai itu ;
- (c) enggan atau gagal meninggalkan Negara Brunei Darussalam menurut arahan seseorang Pegawai Imigresen Kanan yang diberikan di bawah ceraian (1) ; atau
- (d) iaitu kapten pesawat udara yang dengannya mana-mana orang tiba di Negara Brunei Darussalam enggan atau lalai mengusir orang itu dari Negara Brunei

Darussalam selepas diberitahu oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan bahawa orang itu dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam atau bahawa orang itu telah enggan atau lalai hadir di hadapan seseorang Pegawai Imigresen Kanan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1) atau bahawa dia telah meninggalkan tempat pemeriksaan tanpa kebenaran atau dengan jalan lain dari menurut kebenaran pegawai itu ;

adalah melakukan kesalahan.

(3) Apabila mana-mana orang meninggalkan lingkungan sesebuah lapangan terbang dengan melanggar syarat-syarat bab ini atau enggan meninggalkan dan berlepas dari Negara Brunei Darussalam menurut arahan Pegawai Imigresen Kanan itu yang diberikan di bawah syarat-syarat ceraian (1), Pegawai Imigresen Kanan itu boleh mengambil tindakan, termasuk penggunaan kekerasan, sebagaimana yang mungkin perlu dengan munasabah untuk memaksa orang itu supaya kembali ke lingkungan lapangan terbang itu atau mematuhi arahan itu mengikut mana yang berkenaan.

**26.** (1) Tiap-tiap orang yang dari suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam memasuki Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat hendaklah memasukinya di suatu tempat masuk yang dibenarkan dan hendaklah pergi dari tempat itu dengan suatu laluan yang dibenarkan, yang ditetapkan di bawah bab 5, ke pos kawalan imigresen yang berdekatan dan hendaklah hadir di hadapan Pegawai Imigresen Kanan yang menjaga pos itu dan hendaklah jika dikehendaki demikian oleh Pegawai Imigresen Kanan itu, memberikan butir-butir mengenai dirinya dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Pemeriksaan orang-orang yang memasuki Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat atau di suatu tempat selain dari lapangan terbang yang dibenarkan

(2) Tiap-tiap orang yang dari suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam tiba dengan jalan laut atau udara di Negara Brunei Darussalam di sebarang tempat selain dari suatu tempat pendaratan atau lapangan terbang yang dibenarkan hendaklah pergi dengan segera kepada dan hadir di hadapan Pegawai Imigresen Kanan yang berdekatan.

(3) Pegawai Imigresen Kanan yang di hadapannya mana-mana orang hadir menurut syarat-syarat bab ini hendaklah jika dia menganggap bahawa orang itu dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya memberitahu orang itu mengenai keputusannya dan orang itu hendaklah menurut arahan pegawai itu meninggalkan dan berlepas dengan segera dari Negara Brunei Darussalam ke suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam.

(4) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat bab ini adalah melakukan kesalahan.

Kuasa untuk  
menghantar  
orang ke  
depot  
imigresen

27. (1) Apabila seseorang Pegawai Imigresen Kanan ragu-ragu tentang hak mana-mana orang untuk memasuki Negara Brunei Darussalam, maka adalah sah bagi pegawai itu supaya mengarahkan orang itu ke suatu depot imigresen dan, dalam hal itu, orang itu hendaklah pergi dengan segera ke depot itu dan hendaklah berada di sana sehingga dibenarkan pergi oleh pegawai itu :

Dengan syarat bahawa orang itu hendaklah tidak ditahan bagi sebarang tempoh yang melebihi dari 7 hari, kecuali atas perintah bertulis daripada Pengawal :

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pengawal boleh, atas budibicaranya, dan sementara menunggu siasatan selesai berkenaan dengan orang itu, membebaskan orang itu dari depot imigresen itu atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Pengawal, dan bagi maksud itu Pengawal boleh mengeluarkan kepada orang itu suatu Pas dalam borang yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang enggan atau lalai mematuhi arahan yang diberikan oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan di bawah ceraian (1) atau yang meninggalkan suatu depot imigresen dengan melanggar syarat-syarat ceraian itu, adalah melakukan kesalahan.

**28.** (1) Mana-mana orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam dari sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam atau yang hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan jalan laut, darat atau udara ke sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam, hendaklah menjawab dengan lengkap dan sebenarnya semua soalan dan pertanyaan yang diajukan kepadanya oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan yang ditujukan secara langsung atau tidak langsung untuk mempastikan identiti, kerakyatan atau pekerjaannya atau berhubung dengan sebarang sekatan yang terkandung dalam Akta ini atau dalam sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau sebarang tanggungan mutlak atau bersyarat di pihaknya terhadap sebarang perkhidmatan angkatan tentera, laut atau udara di bawah mana-mana negeri atau negara apa pun, dan hendaklah mendedahkan dan mengemukakan kepada mana-mana pegawai itu apabila diminta segala dokumen yang ada dalam miliknya berkenaan dengan perkara-perkara itu.

Menyoal-siasat pengembara

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab 117 dari Kanun Peraturan Jenayah atau sebarang undang-undang berkenaan dengan keterangan, semua jawapan dan dokumen itu, dan sebarang pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang itu kepada seseorang Pegawai Imigresen Kanan, sama ada pegawai itu adalah seorang pegawai polis atau tidak, boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang perbicaraan di bawah Akta ini terhadap orang yang membuat, mendedahkan atau mengemukakannya :

Penggal 7.

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai menyebabkan sebarang jawapan itu tidak boleh diterima dalam sebarang perbicaraan lain dalam mana ianya mungkin sebaliknya boleh diterima.

(3) Mana-mana orang itu yang —

(a) enggan menjawab sebarang soalan atau pertanyaan yang diajukan kepadanya di bawah ceraian (1) ;

- (b) dengan mengetahui memberi sebarang jawapan palsu atau mengelirukan terhadap sebarang soalan atau pertanyaan itu atau dengan mengetahui membuat suatu pernyataan palsu atau mengelirukan kepada seseorang Pegawai Imigresen Kanan ;
- (c) enggan atau gagal mengemukakan sebarang dokumen yang ada dalam miliknya apabila dikehendaki berbuat demikian di bawah ceraian itu ; atau
- (d) dengan mengetahui mengemukakan sebarang dokumen palsu atau mengelirukan ;

adalah melakukan kesalahan.

**Pemeriksaan  
perubatan**

- 29.** Bagi maksud menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan tugas-tugas dan kewajipannya di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, seseorang Pegawai Imigresen Kanan boleh menghendaki mana-mana orang yang berhasrat hendak memasuki Negara Brunei Darussalam supaya patuh kepada pemeriksaan oleh seseorang pegawai perubatan Kerajaan.
- 30.** (1) Seseorang Pegawai Imigresen boleh memberikan arahan sebagaimana yang mungkin perlu dengan munasabah untuk menentukan bahawa tiada penumpang atau ahli krew mengelakkan pemeriksaan sama ada bagi dirinya atau barang-barangnya.

(2) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah enggan atau gagal mematuhi sebarang arahan yang diberikan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

Pegawai  
Imigresen  
boleh  
memberikan  
arahan untuk  
mencegah  
pengelakan  
pemeriksaan

31.  
Ne  
set  
per  
ter  
bu  
bo  
ser  
sua  
nai  
  
32.  
sua  
Ne  
  
I  
me  
cer  
lah  
Ne  
  
gap  
tem  
und  
lah  
  
33.  
Bru  
seb  
usi  
tida  
di  
per

## BAHAGIAN V

PENGUSIRAN DARI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

**31.** Jika semasa pemeriksaan mana-mana orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam atau selepas menjalankan siasatan sebagaimana yang mungkin perlu orang itu didapati sebagai pendatang yang dilarang masuk maka Pengawal hendaklah, tertakluk kepada syarat-syarat sebarang peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, melarang orang itu dari turun atau boleh menahannya atas budibicaranya di suatu depot imigresen atau tempat lain yang ditetapkan oleh Pengawal sehingga suatu peluang terbit untuk mengembalikannya ke tempat dia naik atau ke negara kelahiran atau kewarganegaraannya.

Pengusiran  
pendatang  
yang di-  
larang masuk  
dari  
Negara  
Brunei  
Darussalam

**32.** (1) Mana-mana orang yang disabitkan melakukan suatu kesalahan di bawah bab 5, 6, 8 atau 9 boleh diusir dari Negara ini dengan perintah Pengawal :

Pengusiran  
pendatang  
haram

Dengan syarat bahawa tiada sesiapapun yang berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) dari bab 7 yang disabitkan melakukan suatu kesalahan di bawah bab 5 boleh diperintahkan supaya diusir dari Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian ini.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dianggap mencegah pengusiran mana-mana orang ke sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa berkenaan dengan pesalah buruan.

**33.** (1) Apabila kehadiran mana-mana orang di Negara Brunei Darussalam adalah menyalahi undang-undang dengan sebab syarat-syarat bab 15 atau 62 maka orang itu boleh diusir, sama ada sebarang tindakan diambil terhadapnya atau tidak berkaitan dengan sebarang kesalahan terhadap Akta ini di bawah bab itu, dari Negara Brunei Darussalam dengan perintah Pengawal.

Pengusiran  
orang-orang  
yang tinggal  
secara haram  
di Negara  
Brunei  
Darussalam

(2) Mana-mana orang yang berkaitan dengannya suatu perintah pengusiran telah dibuat di bawah syarat-syarat ceraian (1) atas alasan bahawa kehadirannya di Negara Brunei Darussalam adalah menyalahi undang-undang dengan sebab pembatalan suatu Permit Masuk, Permit Masuk Semula atau Pas boleh merayu apabila membayar bayaran yang ditetapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat mengikut cara dan dalam waktu sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Penahanan  
orang-orang  
yang di-  
perintahkan  
supaya  
diusir

**34.** (1) Apabila mana-mana orang diperintahkan supaya diusir dari Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini adalah sah bagi Pengawal untuk memerintahkan orang itu ditahan dalam kurungan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin perlu bagi maksud membuat penyusunan bagi pengusirannya :

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang ditahan di bawah ceraian ini yang merayu di bawah syarat-syarat ceraian (2) dari bab 33 terhadap perintah pengusiran itu boleh, atas budibicara Pengawal, dibebaskan, sementara menunggu keputusan rayuannya, atas syarat-syarat tentang pemberian jaminan ataupun sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Pengawal.

(2) Tertakluk kepada keputusan sebarang rayuan di bawah bab 33, mana-mana orang yang diperintahkan supaya diusir dari Negara Brunei Darussalam boleh ditempatkan di dalam sesebuah kapal atau pesawat udara yang sesuai oleh mana-mana pegawai polis atau Pegawai Imigresen, dan boleh ditahan secara sah di dalam kapal atau pesawat udara itu, selagi kapal atau pesawat udara itu berada dalam kawasan Negara Brunei Darussalam.

(3) Mana-mana orang yang ditahan dalam kurungan menurut suatu perintah yang dibuat oleh Pengawal di bawah ceraian (1) boleh ditahan sama ada di dalam mana-mana penjara, balai polis atau depot imigresen, atau di dalam sebarang tempat lain yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Pengawal.

**35.** Mana-mana orang yang dipercayai dengan munasabah sebagai orang yang boleh diusir dari Negara Brunei Darussalam di bawah sebarang syarat Akta ini boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana Pegawai Imigresen atau pegawai polis yang diberi kuasa pada amnya atau dengan khasnya oleh Pengawal bagi maksud itu atau oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari pangkat Inspektor, dan boleh ditahan di dalam mana-mana penjara, balai polis atau depot imigresen bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 14 hari sementara menunggu keputusan tentang sama ada suatu perintah bagi pengusirannya patut dibuat.

Kuasa  
untuk  
menangkap  
orang yang  
boleh diusir

**36.** Mana-mana orang yang, setelah diusir ataupun dihantar keluar secara sah dari Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini dan mana-mana orang, selain dari seseorang yang berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) dari bab 7, setelah diusir ataupun dihantar keluar secara sah dari mana-mana wilayah dalam Komanwel, memasuki atau bermastautin di Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran bertulis daripada Pengawal di bawah bab ini adalah melakukan kesalahan : Hukuman, penjara selama tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari 3 tahun dan denda sebanyak \$6,000, dan, selain dari sebarang hukuman bagi kesalahan itu, boleh diusir atau diusir lagi mengikut mana yang berkenaan dari Negara Brunei Darussalam.

Kembali  
secara  
haram  
selepas  
diusir

#### BAHAGIAN IV

##### RAMPAIAN

**37. (1)** Pegawai-Pegawai Imigresen yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah melaksanakan kewajipan yang dikenakan kepadanya oleh Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, dan mereka hendaklah juga melaksanakan kewajipan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengawal, sama ada secara langsung atau melalui mana-mana pegawai lain ; dan tiada tindakan yang diambil oleh mana-mana pegawai itu di bawah atau bagi sebarang maksud Akta ini boleh dianggap sebagai tidak sah atau tidak dibenarkan hanya

Perlaksanaan  
kewajipan  
Pegawai-  
Pegawai  
Imigresen

Penggal 22

Kuasa Pegawai Imigresen untuk menangkap

Kuasa untuk menyaman saksi-saksi, dsb.

Kewajipan pegawai-pegawai polis untuk menjalankan perintah

Pelepasan kapal atau pesawat udara ke Negara Brunei Darussalam hendaklah dilaporkan

dengan sebab bahawa ianya telah tidak diambil oleh pegawai yang dilantik atau ditugaskan dengan khasnya bagi maksud itu.

(2) Tiap-tiap Pegawai Imigresen hendaklah dianggap sebagai pegawai Kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah.

**38.** Tiap-tiap Pegawai Imigresen yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah mempunyai kuasa dan kuasa-kuasa seorang pegawai polis untuk menguatkuasakan sebarang syarat Akta ini berkenaan dengan penangkapan, penahanan atau pengusiran.

**39.** (1) Pengawal boleh, bagi maksud sebarang siasatan atau rayuan di bawah Akta ini, menyaman dan memeriksa saksi-saksi dengan mengangkat sumpah atau membuat ikrar, dan boleh menghendaki pengemukaan dokumen-dokumen yang ada kena mengena dengan siasatan atau rayuan itu.

(2) Mana-mana orang yang disaman sebagai saksi di bawah syarat-syarat ceraian (1) yang tanpa alasan yang munasabah gagal hadir pada waktu dan tempat yang disebutkan dalam saman itu, atau yang, setelah hadir, enggan menjawab sebarang soalan yang diajukan secara sah kepadanya atau mengemukakan sebarang dokumen yang dia berkuasa untuk mengemukakannya, adalah melakukan kesalahan.

**40.** Semua pegawai polis hendaklah, apabila diarahkan demikian oleh seseorang Pegawai Imigresen Kanan, menerima dan menjalankan mengikut maksudnya sebarang perintah bertulis daripada Pengawal, dan sebarang waran daripada Pengawal bagi penangkapan, penahanan atau pengusiran mana-mana orang di bawah syarat-syarat Akta ini.

**41.** (1) Apabila sebarang kapal atau pesawat udara berlepas dari sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam dalam pelayaran atau penerangan ke sebarang tempat di Negara Brunei Darussalam maka tuanpunya, pencatar, agen atau penerima konsainan di Negara Brunei Darussalam kapal atau pesawat udara itu hendaklah memberitahu dengan serta-merta seseorang Pegawai Imigresen Kanan mengenai —

(a) tempat dan tarikh dan waktu kapal atau pesawat udara itu dijangka tiba di Negara Brunei Darussalam ; dan

(b) anggaran bilangan penumpang di dalam kapal atau pesawat udara itu.

(2) Mana-mana tuanpunya, pencatar, agen atau penerima konsainan itu yang tanpa alasan yang munasabah gagal mematuhi syarat-syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

**42.** (1) Apabila mana-mana kelasi hendak atau diberhentikan atau diberi ganjaran di Negara Brunei Darussalam maka juragan, tuanpunya, pencatar atau agen hendaklah memberitahu Pengawal dengan seberapa segera yang boleh ; dan mana-mana juragan, tuanpunya, pencatar atau agen itu yang tanpa alasan yang munasabah gagal mematuhi syarat-syarat ceraian ini adalah melakukan kesalahan.

Sekatan  
memberhenti-  
kan ahli  
krew

(2) Tiada ahli krew yang telah diberhentikan atau diberi ganjaran boleh ditinggalkan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika sama ada —

(a) dia adalah warganegara Negara Brunei Darussalam ; atau

(b) dia memiliki suatu Permit Masuk atau Permit Masuk Semula yang sah atau suatu Pas yang sah.

(3) Dalam sebarang hal perlanggaran syarat-syarat ceraian (2), juragan, tuanpunya, pencatar, agen atau penerima konsainan kapal atau pesawat udara di mana orang berkenaan digaji adalah bertanggungan terhadap penyaraan orang itu dan kos pemulangannya ke tempat kelahiran atau

kewarganegaraannya atau, jika juragan, tuanpunya, pencatar, agen atau penerima konsainan itu memilih demikian, ke tempat lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengawal.

Menandatangani atau membawa sebagai salah seorang krew mana-mana orang dengan niat hendak mendarat berlawanan dengan Akta ini

Jaminan untuk mencegah pendaratan secara haram

**43.** Mana-mana syarikat pengangkutan dan mana-mana orang, termasuk juragan dan tuanpunya sesebuah kapal atau pesawat udara yang tiba di Negara Brunei Darussalam, yang dengan mengetahui telah menandatangani tataurusan kapal atau membawa ke Negara Brunei Darussalam sebagai ahli krew kapal atau pesawat udara itu mana-mana orang dengan niat hendak membenarkan orang itu untuk memasuki Negara Brunei Darussalam berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, atau yang menyatakan kepada seseorang Pegawai Imigresen bahawa mana-mana orang itu adalah ahli krew *bona fide* kapal atau pesawat udara itu, adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda tidak lebih dari \$4,000 dan tidak kurang dari \$200 berkaitan dengan tiap-tiap orang itu.

**44.** (1) Seseorang Pegawai Imigresen Kanan boleh meminta jaminan, sama ada dengan deposit ataupun tidak, daripada juragan, tuanpunya, pencatar, agen atau penerima konsainan sebarang kapal atau pesawat udara yang darinya dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak turun di atau memasuki Negara Brunei Darussalam dengan melanggar syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, dan boleh enggan melepaskan kapal atau pesawat udara itu dari pemeriksaan sehingga jaminan itu diberikan.

(2) Pengawal boleh, jika berpuas hati bahawa mana-mana orang telah turun di atau memasuki Negara Brunei Darussalam dari sebarang kapal atau pesawat udara, yang berkaitan dengannya jaminan telah diberikan di bawah ceraian (1), dengan melanggar sebarang syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, mengarahkan supaya jaminan itu atau mana-mana bahagiannya dilucuthak :

Dengan syarat bahawa Pengawal hendaklah tidak mengarahkan perlucuthakan sebarang jaminan di bawah ceraian ini jika dia berpuas hati bahawa juragan, tuanpunya, pencatar, agen atau penerima konsainan telah mengambil setiap langkah yang munasabah untuk mencegah mana-mana orang dari turun di atau memasuki Negara Brunei Darussalam.

(3) Apabila seseorang Pegawai Imigresen Kanan sebagai ganti menghendaki suatu deposit di bawah syarat-syarat ceraian (1) menghendaki jaminan dengan suatu bon dengan atau tanpa penjamin-penjamin maka bon itu hendaklah dalam borang yang ditetapkan.

**45.** (1) Apabila mana-mana penumpang terus di dalam atau ahli krew sebarang kapal atau pesawat udara gagal meneruskan perjalannya di dalam kapal atau pesawat udara itu dalam keadaan yang boleh difahami dengan munasabah bahawa penumpang atau ahli krew itu telah tinggal di Negara Brunei Darussalam, maka juragan kapal atau pesawat udara itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu seseorang Pegawai Imigresen Kanan atau seseorang pegawai polis yang berpangkat kopral atau ke atas mengenai kegagalan penumpang atau ahli krew itu untuk meneruskan perjalannya.

Laporan tentang orang-orang yang gagal meneruskan perjalanan-nya

(2) Mana-mana juragan yang gagal mematuhi syarat-syarat ceraian (1) adalah melakukan kesalahan.

**46.** (1) Mana-mana orang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam yang — Pemulangan

(a) bukan rakyat Brunei ;

(b) dengan sebab kemalaratan, kelemahan atau kecacatan akal, tidak berupaya untuk mendapatkan pekerjaan atau menyara dirinya dan keluarganya, jika ada ;

(c) tidak berupaya untuk membayar kos tambangnya dan tambang ahli-ahli keluarganya, jika ada, ke negara kelahirannya atau kewarganegaraannya ; dan

(d) menjadi tanggungan atau mungkin menjadi tanggungan kepada awam atau sesebuah yayasan khairat ;

boleh memohon kepada Pengawal bagi pemulangan dirinya dan keluarganya, jika ada, atas kos Kerajaan.

(2) Atas permohonan itu, jika Pengawal berpuas hati, selepas menjalankan siasatan sebagaimana yang dianggapnya perlu, bahawa orang itu telah atau akan menjadi tanggungan kepada awam atau sesebuah yayasan khairat dan tidak berupaya untuk membayar kos pemulangan dirinya dan keluarganya, jika ada, dan bahawa tiada Kerajaan, pertubuhan, syarikat atau orang akan bertanggungan atau mahu membayar kos pemulangan itu, maka Pengawal boleh membenarkan pembayaran kos itu tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ceraian (3).

(3) Mana-mana orang yang dipulangkan atas kos Kerajaan hendaklah membuat suatu akujanji dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan, bahawa dia tidak akan kembali ke Negara Brunei Darussalam tanpa persetujuan secara bertulis daripada Pengawal. Persetujuan itu hendaklah bersyarat apabila orang itu membayar balik kepada Pengawal segala kos dan bayaran yang dilakukan atas pemulangan orang itu dan keluarganya, jika ada, dan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat lain sebagaimana yang mungkin dianggap mustahak oleh Pengawal.

(4) Mana-mana orang yang telah dipulangkan atas kos Kerajaan di bawah bab ini yang memasuki atau cuba memasuki Negara Brunei Darussalam tanpa persetujuan daripada Pengawal di bawah ceraian (3), atau yang setelah memasuki

Negara Brunei Darussalam dengan kebenaran itu, gagal atau lalai mematuhi sebarang syarat dalam mana persetujuan itu diberikan, adalah melakukan kesalahan.

**47. Jika mana-mana orang —**

- (a) memasuki Negara Brunei Darussalam dari sebarang kapal atau pesawat udara berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya ; atau
- (b) turun dari sebarang kapal atau pesawat udara di mana dia naik semula atau di mana dia kembali di bawah syarat-syarat bab 19, 20, 24 atau 25 ;

Juragan dan orang lain adalah bertanggung-an terhadap perbelanjaan

maka juragan, tuanpunya, pencatar dan agennya adalah bertanggungan secara bersesama dan berasingan terhadap segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan berkaitan dengan penahanan dan penyaraan orang itu dan pengusirannya dari Negara Brunei Darussalam dan perbelanjaan itu boleh didapatkan kembali sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan daripada juragan, tuanpunya, pencatar dan agen kapal atau pesawat udara itu secara bersesama dan berasingan.

**48. (1) Apabila suatu perintah pengusiran dibuat di bawah syarat-syarat Akta ini berkaitan dengan mana-mana orang yang telah memasuki Negara Brunei Darussalam berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, dan orang itu dibawa ke Negara Brunei Darussalam di dalam sesebuah kapal atau pesawat udara, maka juragan kapal atau pesawat udara itu, dan juga juragan sebarang kapal atau pesawat udara yang dimiliki oleh tuan-punya-tuanpunya yang sama atau yang dicatar oleh pencatar-pencatar yang sama, hendaklah, jika dikehendaki secara bertulis oleh Pengawal, menerima orang itu naik ke dalam kapal atau pesawat udaranya dan memberinya tambang percuma ke pelabuhan atau tempat di mana orang itu naik dan tempat tumpangan dan penyaraan yang sepatutnya semasa pelayaran atau penerbangan :**

Kewajipan untuk memberi tambang percuma

Dengan syarat bahawa juragan itu tidak akan bertanggungan sebagaimana yang disebutkan di atas melainkan jika perintah pengusiran itu telah dibuat oleh Pengawal dalam masa 3 bulan dari tarikh orang itu memasuki Negara Brunei Darussalam.

(2) Juragan sebarang kapal atau pesawat udara yang gagal mematuhi syarat-syarat bab ini adalah melakukan kesalahan.

Kuasa untuk menahan kapal atau pesawat udara

**49.** (1) Pengawal boleh secara bertulis di bawah tandatangannya memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Pelabuhan untuk menahan sebarang kapal atau pesawat udara yang berhubung dengannya suatu kesalahan terhadap Akta ini dipercayai dengan munasabah telah atau akan dilakukan, dan kapal atau pesawat udara itu boleh ditahan kemudiannya sama ada di tempat di mana ianya dijumpai atau di sebarang tempat di mana Pengawal boleh memerintahkan supaya ianya dibawa ke tempat itu. Pengawal hendaklah memberi notis kepada juragan atau tuanpunya atau pencatar atau agen kapal atau pesawat udara itu mengenai penahanannya.

(2) Bagi maksud-maksud penahanan dan urusan lain yang sah kapal atau pesawat udara itu Pegawai Pelabuhan hendaklah mempunyai kuasa untuk menghimpunkan krew dan boleh, jika dia menganggapnya perlu untuk berbuat demikian, menempatkan seseorang pengawal polis di dalam kapal.

(3) Penahanan hendaklah hanya bagi jagaan yang selamat sahaja, dan hendaklah terhenti jika suatu bon dengan dua orang penjamin yang mencukupi sehingga memuaskan hati Pengawal diberikan oleh juragan, tuanpunya, pencatar atau agen kapal atau pesawat udara itu bagi pembayaran sebarang denda, kos dan bayaran yang dilakukan di bawah Akta ini berkaitan dengan sebarang kesalahan atau keingkaran di bawahnya.

ran  
Pen  
dibe  
atau  
dak  
peri  
perr  
uda:

udan  
bagi  
dilal  
dala  
baw  
kepa  
berh  
belur

dian  
  
**50.**  
mana  
atau  
diber  
bagi  
bant

(4) Jika keingkaran dibuat dalam pembayaran sebarang denda, kos atau bayaran itu, Pegawai Pelabuhan atau Pengarah Penerbangan Awam atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu boleh merampas kapal atau pesawat udara itu dan kapal atau pesawat udara itu hendaklah diisyiharkan dirampas menjadi hak Kerajaan dengan perintah sesebuah Mahkamah bidangkuasa yang layak atas permohonan Peguam Negara. Sebarang kapal atau pesawat udara yang dirampas itu hendaklah dijual.

(5) Hasil dari penjualan sesebuah kapal atau pesawat udara di bawah bab ini hendaklah terlebih dahulu digunakan bagi membayar sebarang denda, kos atau bayaran yang dilakukan di bawah Akta ini dan sebarang kos yang dilakukan dalam dan mengenai penjualan itu dan tindakan yang membawa kepada penjualannya dan bakinya hendaklah dibayar kepada tuanpunya-tuanpunya atau orang-orang lain yang berhak secara sah terhadap kapal atau pesawat udara itu sebelum penjualannya.

(6) Bagi maksud-maksud bab ini kapal hendaklah dianggap termasuk sebarang kenderaan bermotor.

**50.** (1) Mana-mana Pegawai Imigresen Kanan atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau ke atas, atau mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam yang diberi kuasa pada amnya atau dengan khasnya oleh Pengawal bagi maksud itu boleh tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan —

Kuasa  
untuk  
menangkap  
dan  
memeriksa

(a) memasuki dan memeriksa mana-mana bangunan ; dan

(b) menahan dan memeriksa sebarang kapal, kenderaan atau orang, atau memeriksa sebarang pesawat udara, sama ada di suatu tempat awam atau tidak ;

jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sebarang keterangan mengenai berlakunya suatu kesalahan terhadap Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya mungkin didapati di dalam bangunan atau pada orang itu atau di dalam kapal, kenderaan atau pesawat udara itu, dan boleh merampas sebarang keterangan yang didapati itu.

(2) Tiada wanita boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seseorang wanita.

(3) Mana-mana pegawai polis, Pegawai Imigresen atau pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(4) Apabila mana-mana orang ditangkap oleh seseorang Pegawai Imigresen atau pegawai kastam maka pegawai itu hendaklah mematuhi syarat-syarat bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah seolah-olah dia adalah seorang pegawai polis.

Penggal 7

Pendaftaran  
butir-butir  
bagi maksud  
maksud  
pengenalan

Penggal 19

**51.** (1) Tiap-tiap orang yang berkaitan dengannya suatu perintah pengusiran dari Negara Brunei Darussalam telah dibuat di bawah syarat-syarat Akta ini adalah terikat di sisi undang-undang supaya patuh kepada pengambilan gambar dan cap jarinya mengikut cara yang dipersyaratkan oleh Akta cap jari dan seseorang Pegawai Imigresen hendaklah mencatatkan butir-butir perintah itu pada kertas di mana cap jari itu dibuat, mengesahkan catatan itu dengan tandatangannya, dan syarat-syarat Akta tersebut berkenaan dengan pendafataran, perekodan dan kebolehenerimaan keterangan menge-nainya hendaklah dikenakan kepada tiap-tiap gambar, cap jari dan butir-butir yang diambil itu.

(2) Mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang di bawah ceraian (1) supaya patuh kepada pengambilan gambar atau cap jarinya, enggan atau tidak patuh kepadanya apabila diminta oleh seseorang Pegawai Imigresen adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$250 dan penjara selama satu bulan.

Keratan dan  
salinan  
sebagai  
keterangan  
*Prima facie*

**52.** Dalam sebarang perbicaraan di bawah Akta ini atau pada waktu pendengaran sebarang pertuduhan kerana suatu kesalahan terhadap Akta ini sebarang keratan atau salinan sebarang Permit, Pas atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dan dikatakan ditandatangani oleh Pengawal atau oleh seseorang Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau Pegawai Imigresen Kanan, mengikut mana yang berkenaan, boleh dikemukakan sebagai keterangan tanpa bukti lanjut dan pada orang yang bergantung kepada Permit, Pas atau dokumen lain itu adalah keterangan *prima facie* akan fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya dan hendaklah melainkan jika dibuktikan sebaliknya dianggap sebagai suatu pernyataan yang sebenar dan lengkap akan fakta-fakta dalam Permit, Pas atau dokumen lain yang ada kena mengena dengannya.

**53.** Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini bagi segala atau sebarang maksud yang berikut —

(a) menetapkan apa-apa yang akan atau boleh ditetapkan di bawah syarat-syarat Akta ini ;

(b) menetapkan borang-borang yang hendak digunakan bagi maksud-maksud Akta ini ;

(c) menetapkan —

(i) tempoh sah Permit ;

(ii) syarat-syarat yang tertakluk kepadanya mana-mana orang boleh diberikan suatu Permit dan orang yang boleh mengeluarkan Permit ; dan

(iii) syarat-syarat yang tertakluk kepadanya mana-mana orang boleh diberikan suatu

Peraturan-  
peraturan

Pas yang memberinya hak untuk memasuki dan tinggal sementara di Negara Brunei Darussalam, tempoh sebarang Pas tersebut boleh diberikan, jenis-jenis Pas itu dan orang yang boleh mengeluarkan pas-pas itu ;

- (d) mengadakan syarat bagi pembayaran dan mendapatkan kembali sebarang perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan berhubung dengan penahanan, penyaraan, rawatan perubatan dan pengusiran mana-mana orang dari Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat Akta ini ;
- (e) menetapkan tempat di mana, orang yang kepadanya dan cara permohonan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dibuat ;
- (f) menetapkan tatacara yang akan diikuti oleh orang-orang yang memasuki Negara Brunei Darussalam ;
- (g) menetapkan tatacara yang akan diikuti oleh pihak-pihak berkuasa pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Akta ini ;
- (h) menentukan tatacara yang akan diikuti dan bayaran dan kos yang akan dibayar apabila membuat sebarang rayuan ;
- (i) menetapkan deposit atau jaminan, jika ada, yang akan dibuat atau diberikan oleh atau berkaitan dengan mana-mana orang yang diberikan suatu Permit Masuk, Permit Masuk Semula atau Pas dan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya deposit atau jaminan itu boleh dilucuthak ;
- (j) menetapkan bayaran, jika ada, yang akan dikenakan apabila sebarang Permit Masuk, Permit Masuk Semula atau Pas dikeluarkan ;

(k) menetapkan hukuman yang tidak melebihi dari penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$2,000 kerana melanggar sebarang peraturan itu ;

(l) menetapkan lingkungan lapangan terbang yang dibenarkan ; dan

(m) pada amnya bagi menguatkuasakan maksud-maksud dan syarat-syarat Akta ini dengan lebih baik lagi.

**54.** (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta ini, Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah mengecualikan, secara mutlak atau dengan bersyarat, mana-mana orang atau golongan orang dari segala atau sebarang syarat Akta ini.

Kuasa untuk  
mengecuali-  
kan dari  
syarat-  
syarat Akta

(2) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah bab ini yang berkenaan dengan suatu golongan orang hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

**55.** Mana-mana orang yang —

Kesalahan-  
kesalahan

(a) memasuki secara haram atau cuba memasuki secara haram Negara Brunei Darussalam ;

(b) bersubahat dengan mana-mana orang untuk memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan melanggar syarat-syarat Akta ini atau peraturan-peraturannya ; atau

(c) menceburkan diri dalam perniagaan atau perdagangan membawa ke Negara Brunei Darussalam di dalam atau di atas sebarang kapal, pesawat udara atau kenderaan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai adalah pendatang yang dilarang masuk ; atau

- (d) melindungi mana-mana orang yang telah melakukan perbuatan yang melanggar syarat-syarat Akta ini atau peraturan-peraturannya ; atau
- (e) menggaji mana-mana orang yang telah melakukan perbuatan yang melanggar syarat-syarat bab 6, 15 atau 36 dari Akta ini atau peraturan-peraturannya ; atau
- (f) membuat atau menyebabkan supaya dibuat sebarang laporan palsu, keterangan palsu atau pernyataan palsu berhubung dengan sebarang kewajipan yang dikenakan oleh syarat-syarat Akta ini atau peraturan-peraturannya ; atau
- (g) menentang atau mengadang, dengan aktif atau dengan pasif, mana-mana pegawai imigresen yang melaksanakan kewajipannya ; atau
- (h) tanpa alasan yang sah menghalang atau mengadang sebarang pengusiran di bawah syarat-syarat Akta ini ; atau
- (i) memberi, menjual atau melepaskan pemilikan sebarang permit masuk atau masuk semula, pas atau perakuan supaya ianya boleh digunakan dengan melanggar syarat-syarat perenggan (j) dari bab ini ; atau
- (j) menggunakan sebarang permit masuk atau masuk semula, pas atau perakuan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang lain seolah-olah ianya telah dikeluarkan secara sah kepada dirinya ; atau
- (k) dengan membuat suatu keterangan palsu mendapatkan atau cuba mendapatkan suatu permit masuk atau masuk semula, pas atau perakuan untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain ; atau
- (l) menggunakan atau tanpa kebenaran yang sah ada dalam miliknya sebarang permit masuk atau masuk semula, pas atau perakuan atau dokumen lain yang palsu, yang diubah dengan menyalahi undang-undang atau yang luar aturan yang dikeluarkan di bawah Akta

ini atau peraturan-peraturannya, atau sebarang permit, pas atau perakuan atau dokumen lain yang dikeluarkan itu dalam mana sebarang catatannya telah dipalsukan atau diubah dengan menyalahi undang-undang,

adalah melakukan kesalahan : Hukuman — .

- (i) dalam hal suatu kesalahan di bawah perenggan (b) atau (c) dari bab ini penjara selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 7 tahun dan denda yang tidak melebihi dari \$20,000 dan sebat ;
- (ii) dalam hal suatu kesalahan di bawah perenggan (a), (d) atau (e) dari bab ini penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun dan denda yang tidak melebihi dari \$6,000 ; dan
- (iii) dalam hal suatu kesalahan di bawah perenggan (f), (g), (h), (i), (j), (k) atau (l) dari bab ini penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan dan denda yang tidak melebihi dari \$2,000.

**56.** Mana-mana orang yang memasuki secara haram atau cuba memasuki secara haram Negara Brunei Darussalam sama ada sebarang tindakan diambil terhadapnya berkaitan dengan kesalahan itu atau tidak boleh diusir dari Negara Brunei Darussalam dengan perintah Pengawal.

Tindakan  
hendaklah  
tidak  
menyentuh  
tanggungan  
untuk  
mengusir

**56A.** (1) Jika seseorang yang telah melakukan perbuatan yang melanggar syarat-syarat bab 6, 15 atau 36 atau peraturan-peraturannya didapati di sebarang bangunan atau tempat dan memiliki sebarang perkakas atau alat lain atau mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan yang mungkin menimbulkan kesimpulan bahawa dia melakukan sebarang kerja, maka penghuni bangunan atau tempat itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap telah menggajinya

Anggapan  
berhubung  
dengan  
kesalahan-  
kesalahan  
tertentu

dengan mengetahui bahawa dia adalah orang yang telah melakukan perbuatan yang melanggar syarat-syarat bab-bab itu atau peraturan-peraturannya.

(2) Dalam bab ini, "penghuni", berkenaan dengan sebarang bangunan atau tempat, termasuk —

(a) orang yang menjaga, mengurus atau mengawal sama ada seluruhnya atau sebahagiannya bangunan atau tempat itu, sama ada atas tanggungjawabnya sendiri atau sebagai seorang agen ; dan

(b) seseorang pemberong yang menjalankan pengendalian bangunan atau kerja-kerja pembinaan di bangunan atau tempat itu bagi pihak orang lain.

Bila  
kelepasan  
kapal atau  
pesawat  
udara boleh  
ditolak

Hukuman  
am

Mahkamah  
Majistret  
hendaklah  
mempunyai  
bidangkuasa  
penuh

**57.** Apabila juragan sebarang kapal atau pesawat udara dituduh atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, kelepasan kapal atau pesawat udara itu boleh ditolak sehingga pertuduhan itu telah didengar dan denda yang dikenakan, jika ada, telah dibayar.

**58.** Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dalam mana tiada hukuman khas dipersyaratkan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 6 bulan.

**59.** (1) Suatu sabitan kerana sebarang kesalahan di bawah Akta ini boleh diperolehi di hadapan Mahkamah Majistret yang mempunyai bidangkuasa untuk mengenakan sebarang hukuman yang dipersyaratkan oleh Akta ini.

(2) Apabila mana-mana orang dituduh di hadapan sesebuah Mahkamah atas sebarang kesalahan di bawah Akta ini, tiada tindakan lanjut berkaitan dengannya boleh diambil terhadapnya tanpa persetujuan secara bertulis daripada Pengawal, Pendakwa Raya atau seseorang Timbalan Pendakwa Raya, kecuali sebagaimana yang mungkin difikirkan

perlu oleh Mahkamah dengan tahanan, sama ada dikurung atau dijamin, ataupun untuk mempastikan kehadiran yang sepatutnya akan orang yang dituduh itu.

**60.** Sebarang jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu bon atau jaminan lain atau sebagai suatu hutang kepada Kerajaan di bawah syarat-syarat Akta ini boleh dituntut dan didapatkan kembali dalam Mahkamah yang bersesuaian dengan cara guaman sivil oleh atau atas nama Pengawal bagi pihak Kerajaan.

Mendapat-kan kembali hutang, dsb.

**61.** Untuk mengelakkan keraguan maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa syarat-syarat Akta ini hendaklah tanpa menyentuh syarat-syarat Akta Pasport atau sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan pasport berkuat-kuasa pada waktu itu di Negara Brunei Darussalam.

Pengecualian

Penggal 146

h  
t  
g

n  
a  
il  
a  
n  
n

## UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

**Perintah larangan dan pengehadan kemasukan ke Negara Brunei Darussalam di bawah bab 9**

S. 79/56  
S. 99/59

**PERINTAH IMIGRESEN (LARANGAN MASUK)**

*Permulaan kuatkuasa : 1hb Julai 1958*

- |   |   |
|---|---|
| <p>1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Imigresen (Larangan Masuk).</p> <p>2. Dalam perintah ini "warganegara Komanwel" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Kerakyatan British.</p> <p>3. (1) Kemasukan golongan orang yang berikut ke Negara Brunei Darussalam dari sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dilarang —</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) tertakluk kepada bab 7 orang-orang yang bukan warganegara Komanwel ; atau</li> <li>(b) orang-orang yang merupakan warganegara Komanwel, dan pada pendapat Pengawal, bukan dalam sebarang kategori orang yang dinyatakan dalam Jadual.</li> </ul> <p>(2) Tiada sesiapapun yang dinyatakan dalam perenggan kecil (a) atau (b) dari perenggan (1), yang memiliki suatu Pas yang sah yang memberinya hak untuk memasuki dan tinggal sementara di Negara Brunei Darussalam, boleh tinggal di Negara Brunei Darussalam selepas habis tempoh atau pembatalan Pas itu.</p> <p>4. Tiada sebarang apapun dalam perintah ini boleh ditafsirkan sebagai memberi hak kepada mana-mana orang untuk memasuki Negara Brunei Darussalam yang menjadi ahli mana-mana golongan yang dilarang masuk yang ditakrifkan dalam sebarang perenggan (a) hingga (o) kedua-duanya termasuk ceraian (2) bab 8 dari Akta atau dilarang atas nama dari memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 9 dari Akta.</p> | <p>Gelaran</p> <p>Larangan masuk golongan orang yang tertentu ke Negara Brunei Darussalam</p> <p>Tiada sebarang apa pun dalam perintah memberi hak kepada orang-orang yang dilarang masuk untuk memasuki Negara Brunei Darussalam</p> |
|---|---|

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

58

PENG. 17

*Imigresen*

[Tambahhan]

Beban  
membuktikan

5. Beban membuktikan bahawa mana-mana orang bukan orang yang dilarang dari memasuki Negara Brunei Darussalam oleh perintah ini adalah terletak pada orang itu.

Pengeluaran  
sijil  
hendaklah  
atas  
budibicara  
Pengawal

6. Pengeluaran sebarang sijil yang disebutkan dalam Jadual adalah atas budibicara mutlak Pengawal atau Menteri, mengikut mana yang berkenaan.

Orang-orang  
yang berhak  
untuk  
memasuki  
Negara  
Brunei  
Darussalam

7. Tiada sebarang apapun dalam perintah ini boleh dianggap sebagai mlarang kemasukan —

(a) mana-mana orang yang dinyatakan dalam ceraian (1) bab 7 dari Akta ;

(b) mana-mana orang yang bertujuan hendak memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah dan menurut sebarang Pas yang dikeluarkan secara sah kepada orang itu ;

(c) mana-mana orang yang berhak memohon di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 11 dari Akta bagi mendapatkan suatu Permit Masuk Semula atau yang namanya telah atau mungkin dicatatkan secara sah dalam sebarang Permit Masuk Semula di bawah syarat-syarat bab 12 dari Akta ;

(d) mana-mana orang yang dikecualikan dari syarat-syarat bab 6 dari Akta dengan suatu perintah yang dibuat di bawah syarat-syarat bab 54 dari Akta ;

(e) mana-mana orang yang, pada pendapat Pengawal, seharusnya dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam atas alasan belas kasihan yang khas ;

(f) isteri atau anak yang lahir semulajadi yang berumur 12 tahun ke bawah mana-mana orang yang bermastautin secara sah di Negara Brunei Darussalam dengan jalan lain dari suatu Pas atau menurut suatu perintah yang dibuat di bawah bab 54 dari Akta, yang mempunyai cara untuk memberi mereka nafkah ; atau

(g) mana-mana orang dinyatakan dalam perenggan kecil (a) perenggan (1) dari bab 3 yang —

(i) termasuk dalam sebarang kategori orang yang dinyatakan dalam Jadual ; dan

(ii) pada pendapat Pengawal, seharusnya dibenarkan untuk memasuki dan tinggal di Negara Brunei Darussalam.

**JADUAL (Bab 3 (1))**

Mana-mana orang yang —

- (a) mempunyai kelayakan profesional atau pakar yang akan membolehkannya menjalankan tugas atau pekerjaannya di Negara Brunei Darussalam tanpa menyentuh kepentingan orang-orang yang telah pun bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan yang mempunyai kelayakan yang bersamaan dan serupa ;
- (b) merupakan pekerja tuanpunya suatu perniagaan yang besar dan kukuh dan memegang suatu kontrak perkhidmatan dengan tuanpunya itu yang memberi pekerjaan kepada dia di Negara Brunei Darussalam atas syarat-syarat tentang tempoh minimum pengambilan kerja dan imbuhan minimum sebagaimana yang mungkin dibenarkan dari masa ke semasa oleh Menteri ;
- (c) memiliki suatu sijil tukang yang mahir yang dikeluarkan oleh Pengawal, yang memperakui bahawa —
  - (i) dia adalah seorang tukang yang mahir ;
  - (ii) kemasukannya ke Negara Brunei Darussalam adalah bagi kepentingan ekonomi Negara Brunei Darussalam ; dan
  - (iii) tiada terdapat tukang yang mahir yang mencukupi yang telah pun bermastautin di Negara Brunei Darussalam untuk digaji dalam tred atau pekerjaannya ;
- (d) memiliki suatu sijil yang dikeluarkan oleh Menteri yang memperakui bahawa kemasukannya adalah bagi kepentingan ekonomi Negara Brunei Darussalam ;
- (e) merupakan ahli keluarga mana-mana orang yang dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah perenggan (a), (b), (c) atau (d) ;
- (f) merupakan ahli keluarga seseorang yang bermastautin secara sah di Negara Brunei Darussalam dengan jalan lain dari suatu Pas atau menurut suatu perintah yang dibuat di bawah bab 54 dari Akta, yang mempunyai cara untuk memberinya nafkah.

**Peraturan-Peraturan di bawah bab 54**

- (1) Peraturan-Peraturan Imigresen
- (2) Peraturan-Peraturan Imigresen (Permit Mastautin)

S. 80/56  
S. 99/59  
S. 125/67  
S. 155/67

**(1) PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN**

*Permulaan kuatkuasa : 1hb Julai 1958*

**Gelaran** 1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Imigresen.

**Tafsiran** 2. Dalam peraturan-peraturan ini —

“orang asing” bermakna seseorang yang bukan warganegara Komanwel ;

“warganegara Komanwel” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Kerakyatan British ;

“Pegawai” termasuk seseorang Pegawai Imigresen, atau orang lain, yang diberi kuasa oleh Pengawal untuk bertindak pada amnya bagi pihaknya di bawah syarat-syarat peraturan-peraturan ini, dan jika Pengawal memberi kuasa kepada seseorang Pegawai Imigresen atau orang lain untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud salah satu peraturan-peraturan ini atau lebih tetapi tidak semuanya, termasuk, bagi maksud-maksud peraturan atau peraturan-peraturan itu, pegawai imigresen atau orang lain yang diberi kuasa demikian ;

“pelayaran tanpa ranjang” bermakna seseorang penumpang kapal yang tidak disediakan dengan tempat penginapan di dalam sebarang kabin, bilik khas atau ruang.

Permohonan bagi mendapatkan dan pengeluaran suatu Sijil yang memberi hak masuk di bawah bab 7(1) dari Akta Jadual Pertama Borang-Borang 1 & 2

3. (1) Untuk memudahkan kemasukan ke Negara Brunei Darussalam mana-mana orang yang berada di luar Negara Brunei Darussalam dan yang berhak untuk memasukinya di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta, orang itu boleh memohon kepada Pengawal dalam Borang 1 dalam Jadual Pertama bagi pengeluaran kepadanya suatu Sijil dalam Borang 2 yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. Tiap-tiap permohonan itu hendaklah disertakan dengan 2 keping gambar terbaru pemohon bagi maksud-maksud Borang tersebut.

(2) Jika suatu permohonan di bawah peraturan ini dipohonkan untuk dibuat oleh ahli keluarga seseorang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam, orang yang bermastautin itu boleh mengisikan dan

menandatangani Bahagian I Borang I tersebut bagi pihak pemohon itu dan hendaklah mengisikan dan menandatangani Bahagian II Borang tersebut.

(3) Seseorang pemohon boleh memohon menurut Bahagian I Borang I yang disebutkan di atas bagi pemasukan dalam Sijil yang hendak dikeluarkan kepadanya nama mana-mana anak yang berumur 16 tahun ke bawah yang menyertainya yang berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta, dan hendaklah memberikan dengan permohonan itu 2 keping gambar terbaru anak itu.

(4) Pengawal hendaklah, apabila berpuas hati bahawa pemohon berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta dan apabila membayar bayaran yang ditetapkan, mengeluarkan kepada pemohon suatu Sijil dalam Borang 2 dalam Jadual Pertama dan, jika berpuas hati bahawa mana-mana anak yang menyertai pemohon dan yang dimasukkan dalam permohonan berhak untuk memasukinya, hendaklah memasukkan nama anak itu dalam Sijil itu.

(5) Apabila permohonan dibuat bagi maksud itu dalam Borang 3 dalam Jadual Pertama oleh seseorang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam, Pengawal hendaklah, apabila berpuas hati bahawa pemohon adalah orang yang berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta, membuat suatu catatan bagi maksud itu dalam pasport atau dokumen perjalanan lain pemohon itu.

(6) Suatu Sijil yang dikeluarkan atau catatan yang dibuat di bawah syarat-syarat perenggan (1) atau perenggan (5) masing-masing hendaklah sah hanya selagi pemegang Sijil atau pasport atau dokumen perjalanan lain itu yang dicatatkan demikian terus berhak untuk memasukinya di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta.

(7) Beban membuktikan bahawa mana-mana orang adalah orang yang dikenakan dengan syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta adalah terletak pada orang itu.

(8) Jika Pengawal berpuas hati bahawa pemegang suatu Sijil yang diberikan di bawah syarat-syarat perenggan (1) atau suatu pasport atau dokumen perjalanan lain yang dicatatkan di bawah syarat-syarat perenggan (5) telah memperolehi Sijil atau catatan itu dengan cara salah nyata atau tipuan atau bukan orang yang berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta

**[Tambahhan]**

maka dia boleh membatalkan Sijil atau catatan itu, dan pemegangnya hendaklah, apabila dikehendaki demikian oleh Pengawal, menyerahkan dengan serta-merta kepadanya Sijil, pasport atau dokumen perjalanan lain itu bagi maksud itu.

Permohonan  
bagi  
mendapatkan  
Permit  
Masuk.  
Jadual  
Pertama  
Borang 4

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Permit Masuk hendaklah dibuat menurut Bahagian I Borang 4 dalam Jadual Pertama dan hendaklah dikemukakan kepada Pengawal. Permohonan itu hendaklah disertakan dengan 2 keping gambar terbaru pemohon, yang dicatatkan oleh pemohon bagi maksud-maksud Borang itu :

Dengan syarat bahawa sebarang permohonan atau gambar itu boleh diisi atau dicatatkan, mengikut mana yang berkenaan, oleh suami bagi pihak isterinya, atau oleh ibu bapa bagi pihak anak yang berumur 16 tahun ke bawah atau oleh anak lelaki atau anak perempuan yang berumur 21 tahun ke atas bagi pihak ibu bapa yang kemasukannya adalah dipohonkan atas alasan belas kasihan.

(2) Seseorang pemohon boleh memohon menurut Bahagian II Borang 4 yang disebutkan di atas bagi pemasukan dalam Permit Masuk yang hendak dikeluarkan kepadanya nama-nama isterinya dan anak-anaknya yang berumur 16 tahun ke bawah yang menyertainya, dan hendaklah memberikan dengan permohonan itu 2 keping gambar terbaru isterinya dan tiap-tiap anak itu bagi maksud-maksud Borang itu.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Permit Masuk hendaklah disokong dengan suatu pengakuan dalam borang yang dinyatakan dalam Bahagian III Borang 4 yang disebutkan di atas, yang dibuat oleh seseorang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

(4) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat perenggan-perenggan (1), (2) dan (3) mana-mana orang yang pada waktu ketibaannya di Negara Brunei Darussalam —

(a) memiliki suatu pasport yang sah dan, jika orang asing, suatu visa masuk yang sah, jika visa itu dikehendaki ;

(b) pada pendapat Pengawal, termasuk dalam sebarang kategori orang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perintah Imigresen (Larangan Masuk) ;

(c) bercadang hendak memasuki Negara Brunei Darussalam dengan jalan lain dari bagi maksud tinggal sementara di dalamnya ; dan

(d) pada pendapat Pengawal, bukan ahli mana-mana golongan yang dilarang masuk yang ditakrifkan dalam mana-mana perenggan (a) hingga (o) kedua-duanya termasuk ceraian (2) bab 8 dari Akta atau seseorang yang dilarang atas nama dari memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 9 dari Akta,

boleh apabila dia tiba, melainkan jika Pegawai Imigresen Kanan memeriksanya di bawah syarat-syarat bab 24, 25 atau 26 dari Akta mengarahan sebaliknya, membuat permohonan lisan bagi pengeluaran kepada suatu Permit Masuk dan bagi pemasukan dalam Permit itu nama-nama isterinya dan anak-anaknya yang berumur 16 tahun ke bawah yang menyertainya.

(5) Jika dalam hal mana-mana orang yang memohon bagi mendapatkan suatu Permit Masuk di bawah syarat-syarat perenggan peraturan ini yang terdahulu Pegawai Imigresen Kanan berpendapat bahawa siasatan lanjut adalah perlu, maka dia boleh mengeluarkan kepada orang itu suatu Pas Khas menurut syarat-syarat peraturan 12.

(6) Tiap-tiap Permit Masuk hendaklah dalam Borang 5 yang dinyatakan dalam Jadual Pertama :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh, atas budibcaranya, dalam hal suatu Permit Masuk yang diberikan kepada seseorang yang membuat permohonan mengenainya di bawah syarat-syarat perenggan (4), membuat suatu catatan yang bersesuaian dalam pasport atau dokumen perjalanan lain yang dipegang oleh orang itu, dan catatan itu hendaklah dianggap sebagai suatu Permit Masuk bagi maksud peraturan-peraturan ini.

Borang  
Permit  
Masuk  
Jadual  
Pertama  
Borang 5

(7) Kecuali dalam hal seseorang yang dinyatakan dalam perenggan (4) atau seseorang yang bertujuan hendak tinggal di Negara Brunei Darussalam selepas habis tempoh suatu Pas yang dikeluarkan kepadanya, tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Permit Masuk hendaklah dibuat sebelum orang yang membuat permohonan itu tiba di Negara Brunei Darussalam, dan tiada Permit Masuk boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang itu kecuali sebelum dia tiba di Negara Brunei Darussalam.

5. (1) Pengawal boleh, atas budibcaranya berkaitan dengan mana-mana pemohon bagi suatu Permit Masuk, menghendaki jaminan, sama ada dengan deposit ataupun tidak, sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu bagi segala kos, bayaran dan perbelanjaan yang mungkin dilakukan dalam penyaraan dan pemulangan atau pengusiran pemohon itu dari Negara Brunei Darussalam jika dia dikehendaki supaya dipulangkan atau diusir dari Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa dalam masa 2 tahun dari tarikhnya masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Jaminan  
berkaitan  
dengan  
Permit  
Masuk

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

64

PENG. 17

*Imigresen*

[Tambahan]

(2) Jika mana-mana orang yang berkaitan dengannya jaminan telah diberikan di bawah syarat-syarat perenggan (1) dikehendaki supaya dipulangkan atau diusir dari Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa dalam masa 2 tahun dari tarikhnya masuk ke Negara Brunei Darussalam, jumlah kesemuanya segala kos, bayaran dan perbelanjaan yang dilakukan dalam pemulangan atau pengusiran orang itu dan tanggungannya, jika ada, hendaklah diperakui secara bertulis oleh Pengawal, yang perakuannya adalah keterangan muktamad mengenainya, dan jumlah itu, atau sebanyak mana yang akan diliputi oleh jaminan itu, hendaklah didapatkan kembali dari jaminan itu.

(3) Tertakluk kepada syarat-syarat perenggan (2), jaminan itu, atau bakinya, jika ada, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikembalikan kepada orang yang memberinya pada habis tempoh jaminan itu diberikan, atau tempoh yang kurang sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pengawal.

Permohonan  
bagi  
mendapatkan  
Permit Masuk  
Semula.  
Jadual  
Pertama  
Borang 6

6. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Permit Masuk Semula hendaklah dibuat menurut Bahagian I Borang 6 dalam Jadual Pertama dan hendaklah dikemukakan kepada Pengawal. Permohonan itu, melainkan jika Pengawal mengarahkan sebaliknya, hendaklah disertakan dengan 2 keping gambar terbaru pemohon, yang dicatatkan oleh pemohon bagi maksud-maksud Borang itu.

(2) Seseorang pemohon, yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam, boleh memohon menurut Bahagian II Borang 6 yang disebutkan di atas bagi pemasukan dalam Permit Masuk Semula yang hendak dikeluarkan kepadanya nama-nama isterinya dan anak-anaknya yang berumur 16 tahun ke bawah, yang bermastautin pada waktu itu di Negara Brunei Darussalam dan yang dicadangkan akan menyertainya apabila dia memasuki semula Negara Brunei Darussalam dan hendaklah, jika Pengawal menghendaki demikian memberikan dengan permohonan itu 2 keping gambar terbaru isterinya dan tiap-tiap anak itu.

(3) Pengawal boleh menghendaki mana-mana pemohon yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan isterinya dan mana-mana anak yang berkaitan dengannya suatu permohonan dibuat di bawah perenggan (2) supaya hadir sendiri di hadapannya.

S. Bil. 52  
tahun 1956

(4) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Permit Masuk Semula yang dibuat di bawah syarat-syarat perenggan (1) hendaklah disertakan dengan keterangan yang memuaskan bahawa orang yang membuat permohonan itu memiliki suatu pasport atau dokumen perjalanan lain

yang sah, dengan syarat pasport atau dokumen perjalanan lain itu dikehendaki di bawah syarat-syarat Aturan-Aturan Pasport atau sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan pasport yang berkuatkuasa pada waktu itu di Negara Brunei Darussalam.

(5) Tiap-tiap Permit Masuk Semula hendaklah dalam Borang 7 dalam Jadual Pertama :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh atas budibicaranya dalam hal seseorang warganegara Komanwel membuat suatu catatan yang berseuaian dalam pasport atau dokumen perjalanan lain yang dipegang oleh orang itu, dan catatan itu hendaklah dianggap sebagai suatu Permit Masuk Semula bagi maksud peraturan-peraturan ini.

Borang-Borang  
Permit  
Masuk  
Semula  
Jadual  
Pertama  
Borang 7

7. (1) Suatu Permit Masuk hendaklah sah untuk sekali masuk sahaja ke Negara Brunei Darussalam dan tidak lagi sah jika pemegangnya berada di luar Negara Brunei Darussalam pada tarikh ianya dikeluarkan telah tidak memasuki Negara Brunei Darussalam dalam masa 6 bulan selepas tarikh itu :

Kesahan  
Permit  
Masuk dan  
Masuk  
Semula

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh atas budibicara mutlaknya menyambung tempoh itu dengan suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang selanjutnya yang jumlahnya tidak melebihi dari 6 bulan.

(2) Suatu Permit Masuk Semula hendaklah sah bagi tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun dari tarikh ianya dikeluarkan sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam Permit itu dan, jika dicatatkan demikian oleh Pengawal, bagi sebarang jumlah masuk semula dalam masa tempoh kesahannya, dan, jika tidak dicatatkan demikian, untuk sekali masuk semula sahaja :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh atas budibicara mutlaknya menyambung kesahan sebarang Permit Masuk Semula bagi tempoh atau tempoh-tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pengawal.

8. (1) Jenis-jenis Pas yang berikut boleh dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan ini bagi maksud memberi hak kepada seseorang untuk memasuki dan tinggal sementara di Negara Brunei Darussalam —

Pas

- (a) Pas Lawatan ;
- (b) Pas Singgah ;
- (c) Pas Pelajar ;
- (d) Pas Khas ;

[Tambahan]

- (e) Pas Turun ;
- (f) Pas Kerja ;
- (g) Pas Tanggungan.

(2) Tertakluk kepada syarat peraturan-peraturan ini pengeluaran sebarang Pas hendaklah atas budibicara mutlak Pengawal.

(3) Sebarang Pas hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat khas, yang tidak berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini, sebagaimana yang mungkin difikirkan patut untuk dikenakan oleh Pengawal.

Pas  
Lawatan

9. (1) Suatu Pas Lawatan boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang selain dari seseorang pendatang yang dilarang masuk yang memuaskan hati Pengawal bahawa dia ingin memasuki Negara Brunei Darussalam —

- (i) atas lawatan sosial, perniagaan atau profesional ; atau
- (ii) sebagai pelancong.

Permohonan  
bagi  
mendapatkan  
Pas Lawatan.  
Jadual  
Pertama  
Borang 8

(2) Pengawal boleh atas budibicaranya menghendaki mana-mana orang yang memohon bagi mendapatkan suatu Pas Lawatan supaya membuat permohonan mengenainya dalam Borang 8 dalam Jadual Pertama dan memberikan kepada Pengawal 2 keping gambar terbaru bagi maksud-maksud Borang itu.

(3) Suatu Pas Lawatan hendaklah membenarkan pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dalam tempoh dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pas itu dan tinggal di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pas itu :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh atas budibicaranya menyambung tempoh itu bagi sebarang tempoh atau tempoh-tempoh yang selanjutnya.

(4) Tiap-tiap Pas Lawatan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang sebagai pelancong atau bagi maksud lawatan sosial hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa pemegangnya hendaklah tidak mengambil bahagian dalam sebarang bentuk pekerjaan, bergaji atau tidak, dalam masa kesahan Pas itu tanpa persetujuan secara bertulis daripada Pengawal.

(5) Pengawal hendaklah membatalkan suatu Pas Lawatan jika dia berpuas hati bahawa pemegangnya adalah pendatang yang dilarang masuk dan boleh membatalkan Pas seumpama itu jika pada bila-bila masa pemegangnya gagal mematuhi sebarang syarat yang tertakluk kepadanya Pas itu dikeluarkan.

(6) Suatu Pas Lawatan adalah dalam Borang 9 dalam Jadual Pertama atau boleh diberikan dengan suatu catatan yang dibuat dalam pasport atau dokumen perjalanan lain pelawat, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

Borang  
Pas  
Lawatan  
Jadual  
Pertama  
Borang 9

10. (1) Suatu Pas Singgah boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang apabila tiba di Negara Brunei Darussalam yang memuaskan hatinya bahawa dia berhasrat hendak memasuki Negara Brunei Darussalam bagi maksud melalui Negara Brunei Darussalam ke suatu destinasi di luar Negara Brunei Darussalam dan bahawa dia memiliki atau dalam kedudukan hendak mendapatkan dokumen-dokumen yang sah yang akan membenarkannya untuk memasuki negara destinasinya dan sebaliknya layak di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di negara itu untuk memasukinya.

Pas  
Singgah

(2) Suatu Pas Singgah hendaklah memberi hak kepada pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan tinggal di dalamnya bagi tempoh yang tidak melebihi dari 28 hari sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pas itu :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh, atas budibicaranya, dari masa ke semasa menyambung tempoh itu.

(3) Suatu Pas Singgah hendaklah dalam bentuk catatan dalam pasport atau dokumen perjalanan lain yang dipegang oleh orang yang dikeluarkan dengan Pas itu.

11. (1) Suatu Pas Pelajar boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang selain dari seseorang pendatang yang dilarang masuk yang memuaskan hati Pengawal bahawa dia memiliki suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Pendidikan yang bermaksud bahawa adalah mustahak supaya dia seharusnya diterima sebagai pelajar di sesebuah yayasan pendidikan yang tertentu di Negara Brunei Darussalam dan bahawa dia telah diterima demikian.

Pas  
Pelajar

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

68

PENG. 17

*Imigresen*

**[Tambahhan]**

Permohonan  
bagi  
mendapatkan  
Pas  
Pelajar  
Jadual  
Pertama  
Borang 10

(2) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Pas Pelajar hendaklah dalam Borang 10 dalam Jadual Pertama, dan hendaklah dibuat kepada Pengawal.

Borang  
Pas  
Pelajar.  
Jadual  
Pertama  
Borang 11

(3) Suatu Pas Pelajar hendaklah dalam Borang 11 dalam Jadual Pertama dan hendaklah membenarkan pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan tinggal di dalamnya bagi tempoh dan ter-takluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pas itu.

(4) Pengawal boleh membatalkan suatu Pas Pelajar jika orang yang dikeluarkan dengan Pas itu gagal dalam waktu yang munasabah untuk memasuki yayasan pendidikan yang dimaksudkan dalam sebarang per-akuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Pendidikan atau, setelah memasuki yayasan pendidikan itu tidak berada atau tidak lagi dikekalkan seba-gai seorang pelajar di dalamnya atau gagal mematuhi sebarang syarat atau syarat-syarat yang mungkin dicatatkan dalam Pas itu.

Pas Khas

12. (1) Suatu Pas Khas boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam jika Pengawal menganggap pengeluaran Pas seumpama itu mustahak —

(a) untuk memberi peluang membuat siasatan bagi maksud menentukan sama ada orang itu berhak terhadap suatu Permit Masuk ataupun berhak untuk memasuki Negara Brunei Darus-salam di bawah syarat-syarat Akta, atau peraturan-peraturan ini, atau sama ada orang itu adalah pendatang yang dilarang masuk ;

(b) untuk memberi peluang yang munasabah kepada orang itu bagi meneruskan suatu rayuan di bawah syarat-syarat Akta ter-hadap sebarang keputusan Pengawal ; atau

(c) atas sebarang sebab khas yang lain.

(2) Suatu Pas Khas hendaklah memberi hak kepada pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan tinggal di dalamnya bagi tempoh, yang tidak melebihi dari 42 hari, sebagaimana yang mungkin di-nyatakan dalam pas itu :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh, atas budibicaranya, dari masa ke semasa menyambung tempoh itu.

(3) Suatu Pas Khas hendaklah dalam Borang 12 dalam Jadual Pertama atau boleh diberikan dengan suatu catatan dalam pasport atau dokumen perjalanan lain pemohon sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

(4) Suatu Pas Khas boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pengawal atas budibicaranya :

Dengan syarat bahawa Pengawal hendaklah tidak membatalkan suatu Pas yang dikeluarkan di bawah syarat-syarat perenggan kecil (b) dari perenggan (1) dengan jalan lain dari kerana perlanggaran sebarang syarat yang dikenakan berkaitan dengannya sehingga rayuan itu, yang berkaitan dengannya Pas itu telah dikeluarkan, telah diputuskan.

(5) Jika suatu Pas Khas hendak dikeluarkan dalam Borang 12 yang disebutkan di atas, pemohon hendaklah, jika dikehendaki demikian, memberikan kepada Pengawal sekeping gambarnya yang terbaru bagi maksud Borang itu.

13. (1) Suatu Pas Turun boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana penumpang terus yang melakukan perjalanan di dalam atau mana-mana ahli krew sebarang kapal atau pesawat udara apabila tiba di mana-mana pelabuhan atau lapangan terbang, mengikut mana yang berkenaan, di Negara Brunei Darussalam.

**Pas Turun**

(2) Suatu Pas Turun hendaklah memberi hak kepada pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan tinggal di dalamnya selama kapal atau pesawat udara itu berada di Negara Brunei Darussalam.

(3) Tertakluk kepada syarat-syarat peraturan 14 suatu Pas Turun hendaklah dalam bentuk suatu catatan dalam pasport atau dokumen perjalanan lain penumpang itu.

14. (1) Jika mana-mana ahli krew memiliki suatu kad pengenalan kelasi yang diberikan di bawah syarat-syarat bab 22 dari Akta atau sebarang kad pengenalan yang dikeluarkan kepadanya oleh juragan kapal di mana dia bekerja atau oleh tuanpunya-tuanpunya atau agen-agen kapal itu, dan kad itu pada pendapat seseorang Pegawai Imigresen Kanan adalah cukup untuk mengenalkannya, maka ianya hendaklah, tertakluk kepada syarat-syarat peraturan 18 dan melainkan jika Pengawal mengarahkan sebaliknya pada amnya atau dalam sebarang hal atau hal-hal tertentu, dianggap sebagai suatu Pas Turun yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah syarat-syarat peraturan 13.

**Kad Pengenalan Kelasi hendaklah dianggap sebagai suatu Pas Turun**

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

70

PENG. 17

Imigresen

[Tambahhan]

(2) Tiap-tiap kad pengenalan kelasi, yang dianggap menurut syarat-syarat perenggan (1) sebagai suatu Pas Turun, hendaklah dianggap telah dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin telah diberitahu secara bertulis oleh Pengawal kepada juragan kapal di mana pemegangnya berasal.

Pas Kerja

15. (1) Suatu Pas Kerja boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang selain dari seseorang pendatang yang dilarang masuk yang memuaskan hati Pengawal bahawa dia ingin memasuki Negara Brunei Darussalam untuk mengambil pekerjaan atau penggajian di Negara Brunei Darussalam dan bahawa —

(a) dia layak bekerja atau memikul penggajian dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat ; dan

(b) tidakpun terdapat pengangguran orang yang mahir dalam jenis perdagangan, perniagaan atau pekerjaan itu di Negara Brunei Darussalam ; dan

(c) pengambilan pekerjaan atau penggajian itu olehnya akan memberi faedah pada amnya kepada Negara Brunei Darussalam.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pas itu dan Peraturan-Peraturan ini, suatu Pas Kerja hendaklah membenarkan pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dalam tempoh yang dinyatakan dalam Pas itu dan tinggal di dalamnya bagi maksud bekerja atau mengambil bahagian dalam penggajian di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dinyatakan dalam Pas itu bagi tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Pas itu, dan Pas itu boleh menyatakan majikan atau majikan yang dicadangkan yang hanya boleh menggaji orang itu :

Dengan syarat bahawa Pengawal boleh, atas budibicaranya menyambung tempoh kesahan suatu Pas Kerja dari masa ke semasa bagi sebarang tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun pada satu-satu masa.

(3) Tiap-tiap Pas Kerja yang dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah peraturan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pemegangnya hendaklah mengambil pekerjaan atau penggajian yang dinyatakan dalam Pas itu dan hendaklah meneruskannya selama Pas itu sah.

(4) Jika seseorang dinyatakan dalam suatu Pas Kerja sebagai majikan atau majikan yang dicadangkan bagi pemegangnya, orang itu hendaklah memberitahu dengan serta-merta kepada Pengawal jika pemegangnya —

- (a) gagal mengambil pekerjaan ; atau
- (b) diberhentikan dari, atau meninggalkan, pekerjaan.

(5) Suatu Pas Kerja boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pengawal, dan hendaklah dibatalkan jika pemegangnya tidak mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh perenggan (3) dari peraturan ini.

(6) Pengawal boleh menghendaki mana-mana orang yang memohon bagi mendapatkan suatu Pas Kerja supaya membuat permohonan mengenainya dalam Borang 23 yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ini, dan memberikan kepada Pengawal 2 keping gambar terbaru orang yang hendak digaji itu.

(7) Suatu Pas Kerja hendaklah dalam Borang 24 yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ini atau dalam bentuk suatu catatan dalam pasport atau dokumen perjalanan pekerja sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

16. (1) Suatu Pas Tanggungan boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang selain dari seseorang pendatang yang dilarang masuk iaitu isteri atau anak tanggungan pemegang suatu Pas Kerja yang sah untuk membolehkan isteri atau anak itu menyertai atau ikut bersama pemegangnya dan tinggal dengannya di Negara Brunei Darussalam.

Pas  
Tanggungan

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pas itu dan Peraturan-Peraturan ini suatu Pas Tanggungan hendaklah membenarkan pemegangnya untuk memasuki Negara Brunei Darussalam pada atau sebelum tarikh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pas itu dan tinggal di dalamnya bagi tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian tetapi tidak melebihi dari tempoh sebarang Pas Kerja yang telah dikeluarkan kepada suami atau ibu bapa pemegang Pas Tanggungan itu :

Dengan syarat bahawa, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, Pengawal boleh dengan catatan dalam Pas itu dari masa ke semasa menjadikannya sah bagi sebarang jumlah kemasukan atau menyambung tempoh kesahannya atau mengubah, menambah atau memotong sebarang syarat yang dinyatakan dalam Pas itu.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

72

PENG. 17

*Imigresen*

[Tambahah]

(3) Tiap-tiap Pas Tanggungan yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) dari Peraturan ini hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa isteri atau anak yang berkaitan dengannya Pas itu dikeluarkan hendaklah tidak mengambil bahagian dalam sebarang bentuk pekerjaan bergaji di Negara Brunei Darussalam tanpa persetujuan bertulis daripada Pengawal.

(4) Jika Pengawal berpuas hati bahawa pemegang suatu Pas Tanggungan adalah pendatang yang dilarang masuk atau bahawa kehadirannya di Negara Brunei Darussalam akan memudarangkan keselamatan awam di Negara Brunei Darussalam, maka dia hendaklah membatalkan Pas itu.

(5) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu Pas Tanggungan hendaklah dalam Borang 25 yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ini.

(6) Pengeluaran tiap-tiap Pas Tanggungan hendaklah tertakluk kepada pemberian jaminan yang mencukupi.

Pemegang-pemegang Pas  
hendaklah  
melaporkan

17. Tiap-tiap pemegang suatu Pas yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan ini boleh dikehendaki oleh Pengawal sebagai suatu syarat pengeluarannya —

(a) supaya melaporkan kepada seseorang Pegawai Imigresen sejurus sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam ;

(b) supaya mematuhi sebarang arahan yang dicatatkan dalam Pas itu oleh Pengawal berhubung dengan pembuatan laporan tentang dirinya dan di mana dia berada semasa tinggal di Negara Brunei Darussalam.

Jaminan  
berkaitan  
dengan Pas

18. Pengawal boleh, sebagai suatu syarat pengeluaran sebarang Pas di bawah peraturan-peraturan ini, menghendaki jaminan, sama ada dengan cara deposit ataupun tidak, sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu, untuk diberikan oleh atau bagi pihak pemohon Pas itu, sebagai jaminan bahawa orang yang dikeluarkan dengan Pas itu akan mematuhi syarat-syarat Akta dan atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dan sebarang syarat yang dikenakan berkaitan dengan atau arahan yang dicatatkan dalam Pas itu :

Dengan syarat bahawa tiada sesiapapun yang berkaitan dengannya jaminan telah diberikan di bawah syarat-syarat peraturan 21 boleh dikehendaki untuk memberikan jaminan di bawah peraturan ini.

[Tambahan]

19. (1) Pengawal boleh, jika berpuas hati bahawa pemegang sebarang Pas yang dikeluarkan di bawah peraturan-peraturan ini telah melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat Akta atau sebarang peraturan ini atau sebarang syarat yang dikenakan berkaitan dengan atau arahan yang dicatatkan dalam Pas itu, atas budibicara mutlaknya —

Pembatalan  
Pas dan  
perlucutah-  
an  
jaminan

(a) membatalkan dengan serta-merta Pas itu ; dan

(b) dalam sebarang hal jika jaminan telah dideposit di bawah peraturan 18 dan sama ada Pas itu dibatalkan atau tidak, mengarahan supaya jaminan itu atau mana-mana bahagiannya dilucutah.

(2) Pembatalan suatu Pas atau perlucutahkan sebarang jaminan di bawah peraturan ini hendaklah tanpa menyentuh pengambilan tindakan terhadap mana-mana orang kerana sebarang kesalahan terhadap Akta atau peraturan-peraturan ini.

(3) Pemberitahuan pembatalan sebarang Pas atau perlucutahkan sebarang jaminan atau mana-mana bahagiannya hendaklah diberikan kepada pemegang Pas itu :

Dengan syarat bahawa adalah mencukupi jika pemberitahuan itu dikirimkan dengan pos berdaftar kepada alamat pemegangnya yang terakhir diketahui.

20. (1) Jika di bawah syarat-syarat peraturan 14 suatu kad pengenalan kelasi dianggap sebagai suatu Pas Turun yang dikeluarkan kepada seseorang ahli krew sebarang kapal, Pengawal boleh menghendaki juragan, tuanpunya, agen atau pencatar kapal itu supaya memberikan jaminan, sama ada dengan cara deposit ataupun tidak, bahawa ahli krew itu akan mematuhi syarat-syarat Akta dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dan sebarang syarat yang tertakluk kepadanya Pas Turun itu dianggap telah dikeluarkan.

Jaminan  
berkaitan  
dengan  
kelasi

(2) Jika Pengawal menghendaki jaminan dengan bon di bawah peraturan ini maka bon itu hendaklah dalam Borang 13 dalam Jadual Pertama.

Borang Bon  
Jadual  
Pertama  
Borang 13

(3) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat peraturan 14 tiada kad pengenalan kelasi boleh dianggap sebagai suatu Pas Turun yang dikeluarkan kepada seseorang ahli krew dalam sebarang hal dalam mana jaminan, setelah dikehendaki di bawah peraturan ini, tidak diberikan menurut kehendak itu.

1  
1  
1  
  
i  
n  
a  
u  
i  
a  
g  
  
a  
h

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

74

PENG. 17

*Imigresen*

[Tambahan]

Jaminan am  
majikan

21. (1) Jika mana-mana majikan membuat suatu kontrak bagi penggajian di Negara Brunei Darussalam seseorang yang bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam, Pengawal boleh menghendaki majikan itu sebagai suatu syarat sebelum mengeluarkan kepada mana-mana orang itu suatu Permit Masuk atau Pas, supaya memberikan suatu jaminan am berkaitan dengan segala bayaran dan perbelanjaan, yang mungkin dilakukan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan penyeeraan, pemulangan atau pengusiran orang itu atau tanggungannya dari Negara Brunei Darussalam jika berlaku pemulangan atau pengusirannya dari Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa dalam masa 2 tahun dari tarikhnya masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Jadual  
Pertama  
Borang 14

(2) Suatu jaminan di bawah syarat-syarat peraturan ini hendaklah dalam Borang 14 dalam Jadual Pertama.

Pengawal  
boleh  
menyimpan  
pasport atau  
dokumen  
perjalanan  
lain di  
bawah  
keadaan  
tertentu

22. Bagi maksud suatu pemeriksaan di bawah bab 24, 25 atau 26 dari Akta, atau jika suatu Pas Khas dikeluarkan di bawah syarat-syarat perenggan (1) dari peraturan 12 Pengawal boleh, jika dia menganggapnya perlu untuk berbuat demikian, mengambil milik pasport atau dokumen perjalanan lain orang yang berhubung dengannya pemeriksaan itu dilakukan atau orang yang dikeluarkan dengan Pas Khas itu, dan hendaklah dalam tiap-tiap hal itu mengeluarkan dengan serta-merta suatu resit mengenai-nya kepada pemegangnya.

Pengeluaran  
salinan  
Permit Masuk  
Semula

23. (1) Mana-mana orang yang Permit Masuk Semulanya telah hilang, dicuri atau dimusnahkan, boleh memohon kepada Pengawal bagi pengeluaran salinan permit itu.

(2) Tiap-tiap permohonan yang dibuat di bawah syarat-syarat perenggan (1) hendaklah disokong dengan suatu pengakuan berkanun mengenai fakta-fakta sandaran dan hendaklah disertakan, melainkan jika Pengawal mengarahkan sebaliknya, dengan 2 keping gambar terbaru pemohon, salah satunya hendaklah disahkan dengan tandatangan pemohon, dan Pengawal boleh selepas itu, jika dia berpuas hati bahawa Permit Masuk Semula pemohon telah hilang, dicuri atau dimusnahkan dan apabila membayar bayaran yang ditetapkan, mengeluarkan salinannya.

[Tambahan]

24. (1) Jika mana-mana orang ditahan di suatu depot imigresen di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 27 dari Akta, juragan, tuanpunya, pencatar dan agen kapal atau pesawat udara yang membawa orang itu ke Negara Brunei Darussalam hendaklah bertanggungan secara bersama-sama dan berasingan terhadap segala perbelanjaan yang dilakukan dalam penahanan dan penyaraan orang itu :

Dengan syarat bahawa jika mana-mana orang yang ditahan itu dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam tiada tanggungan itu boleh dikenakan.

Tanggungan  
juragan, dsb.  
bagi  
pembayaran  
perbelanjaan  
berkaitan  
dengan  
orang-orang  
yang  
ditahan di  
suatu depot  
imigresen

(2) Sebarang perbelanjaan yang boleh dikenakan di bawah syarat-syarat perenggan (1) boleh didapatkan kembali sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan daripada juragan, tuanpunya, pencatar dan agen kapal atau pesawat udara itu secara bersama-sama dan berasingan.

25. (1) Seseorang pendatang yang dilarang masuk hendaklah bertanggungan membayar kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam sejumlah wang yang mencukupi untuk menampung segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan berhubung dengan penahanan, penyaraan, rawatan perubatan atau pengusiran mana-mana pendatang yang dilarang masuk dan tanggungannya, boleh mengeluarkan suatu waran bagi pengenaan sejumlah wang yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan itu dengan cara menahan harta dan menjual sebarang harta alih yang dimiliki oleh pendatang yang dilarang masuk itu.

Mendapat-  
kan  
kembali  
perbelanjaan  
yang di-  
lakukan  
berkaitan  
dengan  
pendatang  
yang di-  
larang masuk

(2) Seseorang majistret, yang berpuas hati bahawa sebarang perbelanjaan telah atau mungkin dilakukan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam berhubung dengan penahanan, penyaraan, rawatan perubatan atau pengusiran mana-mana pendatang yang dilarang masuk dan tanggungannya, boleh mengeluarkan suatu waran bagi pengenaan sejumlah wang yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan itu dengan cara menahan harta dan menjual sebarang harta alih yang dimiliki oleh pendatang yang dilarang masuk itu.

(3) Waran itu boleh disempurnakan mengikut cara yang sama sebagai suatu waran bagi pengenaan sejumlah denda di bawah perenggan (b) ceraian (1) bab 253 dari Kanun Peraturan Jenayah.

Penggal 7

(4) Jika sebarang jumlah wang yang didapatkan kembali di bawah sebarang waran yang dikeluarkan di bawah perenggan (2) adalah melebihi dari jumlah kesemuanya perbelanjaan dalam mana pendatang yang dilarang masuk itu bertanggungan di bawah perenggan (1), maka bakinya hendaklah dikembalikan kepadanya.

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

76

PENG. 17

Imigresen

[Tambahan]

(5) Perbelanjaan yang didapatkan kembali sebahagiannya di bawah syarat-syarat peraturan ini hendaklah tidak menyentuh tanggungan mana-mana penjamin atau mana-mana orang lain terhadap baki-nya, dan juga pengeluaran atau penyempurnaan suatu waran di bawah peraturan itu hendaklah tidak merupakan suatu syarat yang terdahulu terhadap tanggungan seseorang penjamin atau orang lain itu.

Rayuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat

26. (1) Mana-mana orang yang ingin membuat rayuan di bawah syarat-syarat ceraian (6) bab 8 dari Akta terhadap penolakan kebenaran untuk memasuki Negara Brunei Darussalam atau di bawah ceraian (4) bab 14 dari Akta terhadap pembatalan suatu Permit Masuk atau Masuk Semula boleh dalam masa 7 hari dari menerima pemberitahuan penolakan atau pembatalan itu, mengikut mana yang berkenaan, merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

(2) Mana-mana orang yang ingin membuat rayuan di bawah syarat-syarat ceraian (2) bab 33 dari Akta terhadap suatu perintah pengusiran yang dibuat oleh Pengawal hendaklah dalam masa 7 hari dari menerima pemberitahuan perintah pengusiran itu merayu dengan petisyen secara bertulis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

(3) Sebarang rayuan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah diserahkan kepada Pengawal yang selepas itu akan mengeluarkan suatu pengakuan penerimaannya secara bertulis.

Borang aku janji di bawah bab 46 dari Akta Jadual Pertama Borang 15

27. Tiap-tiap aku janji yang diberikan di bawah syarat-syarat ceraian (3) bab 46 dari Akta hendaklah dalam Borang 15 dalam Jadual Pertama.

Butir-butir krew Borang Pertama Borang 16

28. (1) Senarai ahli-ahli krew yang dikehendaki di bawah perenggan (a) ceraian (1) bab 22 dari Akta atau di bawah perenggan (c) ceraian (1) bab 23 dari Akta hendaklah dalam Borang 16 dalam Jadual Pertama, dan hendaklah mengandungi butir-butir yang disebutkan dalam Borang itu.

Borang Kad Pengenalan Kelasi Jadual Pertama Borang-Borang 17A dan 17B

(2) Kad pengenalan kelasi yang dikehendaki di bawah perenggan (c) ceraian (1) bab 22 dari Akta hendaklah —

(a) berkaitan dengan seseorang kelasi yang digaji di dalam sebuah kapal yang berat berdaftarnya 75 tan bersih atau lebih, dalam Borang 17A dalam Jadual Pertama ; dan

(b) berkaitan dengan seseorang kelasi yang digaji di dalam sebuah kapal yang berat berdaftarnya 75 tan bersih ke bawah, dalam Borang 17B dalam Jadual Pertama.

(3) Tiada kad pengenalan kelasi boleh dikehendaki berkaitan dengan mana-mana kelasi yang digaji di dalam sebarang kapal, yang memiliki suatu Sijil Kerakyatan dan Pengenalan Kelasi yang dikeluarkan oleh Pengawal atau suatu Permit Masuk Semula yang sah.

29. (1) Senarai penumpang-penumpang yang dikehendaki di bawah perenggan (a) ceraian (2) bab 22 dari Akta hendaklah dalam Borang-Borang 18A dan 18B dalam Jadual Pertama sebagaimana yang mungkin bersesuaian, dan hendaklah mengandungi butir-butir yang disebutkan di dalamnya.

Butir-butir penumpang yang turun di Negara Brunei Darussalam Jadual Pertama Borang-Borang 18A dan 18B

(2) Butir-butir yang dikehendaki di bawah perenggan (b) ceraian (2) bab 22 dari Akta dan di bawah perenggan (b) ceraian (1) bab 23 dari Akta hendaklah diberikan menurut Borang 19 dalam Jadual Pertama.

Kad Naik dan Turun Penumpang Jadual Pertama Borang 19

30. Jika seseorang Pegawai Imigresen menghendaki di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 44 dari Akta jaminan dengan suatu bon, maka bon itu hendaklah dalam Borang 20 dalam Jadual Pertama.

Bon jaminan Jadual Pertama Borang 20

31. Suatu perintah tahanan yang dibuat di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 34 dari Akta hendaklah dalam Borang 21 dalam Jadual Pertama.

Perintah tahanan Jadual Pertama Borang 21

32. Suatu saman kepada seseorang saksi yang dikeluarkan di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 39 dari Akta hendaklah dalam Borang 22 dalam Jadual Pertama.

Saman kepada seseorang saksi Jadual Pertama Borang 22

33. Hendaklah kena dibayar kepada Pengawal berkaitan dengan tiap-tiap dokumen yang disebutkan dalam ruang 1 Jadual Kedua bayaran masing-masing yang disebutkan dalam ruang 2 Jadual tersebut.

Bayaran Jadual Kedua

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

78

**PENG. 17**

*Imigresen*

[Tambahan]

Isyarat  
imigresen  
hendaklah  
dinaikkan

34. Isyarat imigresen yang dikehendaki di bawah ceraian (1) bab 16 dari Akta hendaklah —

- (a) pada waktu siang, bendera dalam Kod isyarat Antara-bangsa yang bersamaan dengan —
- (i) angka 25 berkaitan dengan kapal-kapal yang tidak membawa penumpang ; dan
  - (ii) angka 34 berkaitan dengan kapal-kapal yang membawa penumpang ; dan
- (b) pada waktu malam, dalam tiap-tiap hal, 2 biji lampu putih yang dipasang secara menegak, 6 kaki jaraknya, boleh dilihat melalui  $360^{\circ}$  dalam jarak 2 batu.

F

be  
In  
\*C  
sy  
ac

2.

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Imigresen*

**PENG. 17**

**79**

[Tambahan]

**JADUAL PERTAMA**

**BORANG-BORANG**

**BORANG 1**

Negara Brunei Darussalam

Peraturan-Peraturan Imigresen

**PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN SIJIL**

(Peraturan 3(1))

(Hendaklah digunakan hanya oleh atau bagi pihak seseorang pemohon yang berada di luar Negara Brunei Darussalam pada waktu membuat permohonan).

Kepada Pengawal Imigresen,  
Negara Brunei Darussalam.

**BAHAGIAN I**

Saya dengan ini membuat permohonan bagi mendapatkan pemberian suatu Sijil di bawah peraturan 3 (1) dari Peraturan-Peraturan Imigresen, kepada\* ..... /saya sendiri atas alasan bahawa \*dia/saya berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah syarat-syarat bab 7 dari Akta Imigresen. (Beban membuktikan hak itu adalah terletak pada pemohon.)

2. Nyatakan di sini sebab-sebab lengkap tuntutan diasaskan :—

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

\*Potong mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

80

PENG. 17

*Imigresen*

[Tambahan]

3. Butir-butir orang yang menghendaki Sijil itu adalah seperti berikut :—

(1) Nama Penuh ..... Huruf Tionghwa .....  
(jika berkenaan)

(2) Kerakyatan ..... Bangsa ..... Jantina .....

(3) Tarikh lahir ..... Tempat lahir .....

(4) Alamat sekarang yang lengkap .....

.....  
(5) Sama ada sudah kahwin atau bujang .....

(6) Jika sudah kahwin

(a) isteri/suami .....  
(Nama Penuh) (Umur)

(b) nama penuh, jantina, tarikh dan tempat lahir anak (anak-anak)  
yang berumur 16 tahun ke bawah :—

Nama Penuh

Jantina

Tarikh & Tempat Lahir

.....  
.....  
.....  
.....

(7) Butir-butir pasport atau dokumen perjalanan yang lain, jika dipegang :—

Jenis dokumen ..... Nombor .....

Tarikh dikeluarkan ..... Tempat dikeluarkan .....

Tarikh habis tempoh .....

(8) Jika bermastautin dahulunya di Negara Brunei Darussalam, berikan mengikut susunan waktunya :—

Tarikh Tiba

Tarikh Berlepas

.....  
.....  
.....  
.....

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- (9) Nama-nama anak yang berumur 16 tahun ke bawah yang hendak dimasukkan dalam Sijil itu bagi maksud menyertai pemohon pada waktu masuk :—

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

- (10) Nama-nama dan alamat-alamat penuh dua orang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam yang kepadanya rujukan mungkin dibuat (tidak dikehendaki jika permohonan dibuat bagi pihak pemohon).

.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh .....

Ditandatangani oleh atau  
bagi pihak pemohon

---

**NOTA :—**

- (1) Soalan-soalan lanjut boleh ditanyakan berhubung dengan permohonan ini dan keterangan berdokumen mestilah dikemukakan, jika dikehendaki.
- (2) Dua salinan yang tidak diperlokkan dan tidak dilekatkan tiap-tiap —
  - (a) gambar pemohon (berukuran pasport, kepala (muka penuh) dan bahu); dan
  - (b) gambar kumpulan mana-mana anak yang dinamakan di atas yang menyertai pemohon (berukuran pasport, kepala (muka penuh) dan bahu),mestilah diberikan dengan permohonan ini.

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

82

PENG. 17

*Imigresen*

[Tambahan]

## BAHAGIAN II

### PENGAKUAN OLEH ORANG YANG BERMASTAUTIN SETEMPAT DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK MENYOKONG PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN SUATU SIJIL DI BAWAH PERATURAN 3 (1)

Saya, yang bertandatangan di bawah, ingin menaja permohonan di atas.

Butir-butir mengenai diri saya adalah seperti berikut :—

Nama Penuh ..... Huruf Tionghwa .....  
(jika berkenaan)

Kerakyatan ..... Bangsa ..... Jantina .....

Tarikh lahir ..... Tempat lahir .....

Profesjon/Pekerjaan .....

Nama dan alamat perniagaan .....

.....  
Alamat sekarang (yang lengkap) .....

.....  
Tarikh mula tiba di Negara Brunei Darussalam .....

Lama bermastautin di Negara Brunei Darussalam .....

Kaitan dengan pemohon.....

Saya dengan ini memperakui bahawa

(a) Saya telah mengenali .....  
secara peribadi bagi tempoh selama .....  
tahun ;

(b) pernyataan yang dibuat dalam permohonan itu adalah benar.

Saya selanjutnya memperakui bahawa gambar-gambar yang dilampirkan adalah gambar sebenar pemohon, saya telah mengesahkan salah satu darinya dengan sewajarnya di belakang gambar itu.

Bertarikh pada hari ini ..... haribulan  
..... 19 .....

Tandatangan

**BORANG 2**  
**Negara Brunei Darussalam**  
**Peraturan-Peraturan Imigresen**  
**SIJIL**  
**(Peraturan 3 (4))**

<p><b>Belakang Keratan</b>            Perihal anak-anak yang berumur 16 tahun            ke bawah yang menyertai pemegang.  <b>Nama penuh</b> ..... <b>Jantina</b> ..... <b>Tarikh lahir</b> .....</p> <p><b>Ruang untuk gambar anak-anak</b></p>	<p><b>Muka Surat 4</b>            .....</p>	<p><b>Muka Surat 1</b>            Negara Brunei Darussalam            Peraturan-Peraturan Imigresen            (Peraturan 3 (4))  <b>SIJIL</b>            Adalah diperakui bahawa pemegang            Sijil ini berhak untuk memasuki Negara            Brunei Darussalam di bawah syarat-            syarat bab 7 (1) dari Akta Imigresen            bahawa dia .....</p> <p>Sijil ini dikeluarkan untuk memudah-            kan pemegangnya memasuki Negara            Brunei Darussalam sekali sahaja pada            atau sebelum .....</p> <p>Dikeluarkan di ..... pada hari            ini ..... haribulan ..... 19            Bayaran \$ ..... dibayar .....</p> <p>Pengawal Imigresen</p> <p>Sijil ini tidak menetapkan kerakyatan            pemegangnya.</p>
---	---	--

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**84**

**PENG. 17**

**Imigresen**

[Tambahan]

**BORANG 2**

**Negara Brunei Darussalam  
Peraturan-peraturan Imigresen**

**SIJIL**

**(Peraturan 3 (4))**

**Dalam**

Muka Surat 2 Nombor Siri ..... Perihal Pemegang Nama ..... Kerakyatan ..... Tempat lahir ..... Tarikh lahir .....	Muka Surat 3 Perihal anak-anak yang berumur 16 tahun ke bawah yang menyertai pemegang Nama ..... Jantina ..... Tarikh lahir Nama ..... Jantina ..... Kerakyatan ..... Tempat lahir ..... Tarikh lahir .....	Keratan Nombor Siri ..... <b>SIJIL DI BAWAH PERATURAN 3(4)</b> Nama ..... Kerakyatan ..... Tempat lahir ..... Tarikh lahir ..... Alasan mengelarkan ..... ..... Ruang untuk gambar anak-anak	Dikelarkan di ..... haribulan ..... 19 ..... pada ..... Bayaran \$ ..... dibayar. ..... Pengawal Imigresen
		<b>GAMBAR PEMEGANG</b>	<b>GAMBAR PEMEGANG</b>

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

***Imigresen***

**PENG. 17**

**85**

[Tambahan]

**BORANG 3**

**Negara Brunei Darussalam**

**Peraturan-Peraturan Imigresen**

**PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN SIJIL**

(Peraturan 3 (5))

(Hendaklah digunakan hanya oleh seseorang pemohon yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam pada waktu membuat permohonannya).

Kepada : Pengawal Imigresen,  
Negara Brunei Darussalam.

Saya ..... dengan  
ini memohon supaya pasport saya Nombor .....  
yang dikeluarkan di ..... pada .....  
dicatatkan yang ber-  
maksud bahawa saya berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam  
di bawah syarat-syarat ceraian (1) bab 7 dari Akta Imigresen, bahawa saya  
(nyatakan di sini alasan mendapat hak).

.....  
.....  
.....  
dan tidak berniat untuk melepaskan hak masuk semula saya ke Negara  
Brunei Darussalam dengan cara tiada dari Negara Brunei Darussalam  
bagi suatu tempoh yang melebihi dari .....

Tarikh ..... 19

.....  
.....  
.....  
Tandatangan Pemohon

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**86**

**PENG. 17**

*Imigresen*

[Tambahan]

**BORANG 4**

**Negara Brunei Darussalam**

**Peraturan-Peraturan Imigresen**

**PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN SUATU PERMIT  
UNTUK MEMASUKI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

(Peraturan 4 (1))

Kepada : Pengawal Imigresen,  
Negara Brunei Darussalam.

**BAHAGIAN I**

Saya, (nama penuh) .....  
huruf Tionghwa ..... dengan ini membuat permohonan bagi  
(jika berkenaan)

mendapatkan pemberian suatu permit untuk memasuki dan bermastautin  
di Negara Brunei Darussalam.

2. Saya layak masuk atas alasan yang berikut :—

.....  
.....  
.....  
.....

3. Menurut permohonan ini saya melampirkan maklumat yang berikut  
berkenaan dengan diri saya :—

- (1) Kerakyatan ..... Bangsa ..... Jantina .....  
(2) Tarikh lahir ..... Tempat lahir .....  
(3) Alamat sekarang yang lengkap .....

.....  
(4) Kerakyatan dan tempat lahir ibu bapa :—

- (a) Bapa ..... (Kerakyatan) ..... (Tempat lahir)  
(b) Ibu ..... (Kerakyatan) ..... (Tempat lahir)

(5) Sama ada sudah kahwin atau bujang .....

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Imigresen*

**PENG. 17**

**87**

[Tambahan]

(6) Jika sudah kahwin :—

(a) Isteri/Suami .....  
(Nama penuh) (Umur)

(b) Nama penuh, jantina, tarikh dan tempat lahir semua anak yang berumur 18 tahun ke bawah :—

Nama Penuh Jantina Tarikh & Tempat Lahir

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(7) Butir-butir pasport atau dokumen perjalanan yang lain, jika dipegang :—

Jenis dokumen ..... Nombor .....

Tarikh dikeluarkan..... Tempat dikeluarkan .....

Tarikh habis tempoh .....

(8) Tempat/tempat-tempat mastautin dalam masa tiga tahun terakhir sebelum permohonan ini, dengan memberikan tarikh-tarikh mastautin itu :—

.....  
.....  
.....  
.....

(9) Jika bermastautin dahulunya di Negara Brunei Darussalam berikan mengikut susunan waktunya :

Tarikh Tiba Tarikh Berlepas

.....  
.....  
.....  
.....

(10) Profesyon/Pekerjaan .....

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

88

PENG. 17

Imigresen

[Tambahah]

- (11) Alamat di Negara Brunei Darussalam di mana surat-menyerat mungkin dikirimkan kepada pemohon (jika berkenaan) :—  
.....  
.....

- (12) Nama-nama dan alamat-alamat penuh dua orang yang bermaстautin di Negara Brunei Darussalam yang kepadanya rujukan mungkin dibuat :—

Nama Penuh	Alamat	Jika keluarga, nyatakan kaitan, jika majikan nyatakan demikian
.....	.....	.....
.....	.....	.....
.....	.....	.....

- (13) Pernahkah pemohon tidak dibenarkan memasuki —

(a) Negara Brunei Darussalam .....  
(b) mana-mana negara lain .....

- (14) Pernahkah pemohon dikehendaki meninggalkan —

(a) Negara Brunei Darussalam .....  
(b) mana-mana negara lain .....

- (15) Butir-butir sebarang keterangan berdokumen yang disertakan dengan permohonan ini :—  
.....  
.....  
.....  
.....

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan dalam permohonan ini adalah benar.

Jika suatu visa dikehendaki selain dari permit untuk memasuki, saya dengan ini membuat permohonan bagi mendapatkan suatu visa.

Bertarikh ..... haribulan ..... 19

.....  
Tandatangan Pemohon

# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Imigresen

PENG. 17

89

[Tambahan]

## BAHAGIAN II

### (Peraturan 4 (2))

Permohonan bagi mencatatkan dalam Permit Masuk nama-nama Isteri dan/atau anak-anak yang berumur 16 tahun ke bawah

(Hendaklah diisikan hanya oleh seseorang pemohon yang ingin isteri dan/atau anak-anaknya yang berumur 16 tahun ke bawah menyertainya masuk ke Negara Brunei Darussalam).

Jika permohonan bertulis saya di atas bagi mendapatkan suatu Permit Masuk ke Negara Brunei Darussalam diberikan, saya dengan ini membuat permohonan lanjut supaya dicatatkan dalam permit tersebut nama-nama yang berikut yang merupakan isteri dan anak-anak saya yang berumur 16 tahun ke bawah dan saya ingin mereka menyertai saya masuk ke Negara Brunei Darussalam :—

Nama Penuh	Kaitan dengan Pemohon	Umur
.....	.....	.....
.....	.....	.....
.....	.....	.....
.....	.....	.....
Bertarikh .....	haribulan .....	19 .

Tandatangan Pemohon

---

#### NOTA :—

- (1) Pemohon mestilah memberikan dengan permohonan ini dua salinan yang tidak diperlokkan dan tidak dilekatkan tiap-tiap —
  - (a) gambarnya dan gambar isterinya, (berukuran pasport, kepala (muka penuh) dan bahu), jika menyertainya ; dan
  - (b) gambar kumpulan mana-mana anak yang dinamakan di atas yang menyertainya (berukuran pasport, kepala (muka penuh) dan bahu).
- (2) Tiada isteri atau anak yang namanya dicatatkan dalam suatu Permit Masuk boleh memasuki Negara Brunei Darussalam dengan jalan lain dari disertai oleh pemegang Permit itu.
- (3) Soalan-soalan lanjut boleh ditanyakan berhubung dengan permohonan ini dan keterangan berdokumen hendaklah dikemukakan jika dikehendaki.

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**90**

**PENG. 17**

*Imigresen*

[Tambahan]

**BAHAGIAN III**

(Peraturan 4 (3))

**Pengakuan oleh Penaja Tempatan untuk menyokong permohonan  
bagi mendapatkan suatu Permit Masuk**

Saya, yang bertandatangan di bawah, menaja permohonan di atas.

Butir-butir mengenai diri saya adalah seperti berikut :—

Nama penuh ..... Huruf Tionghwa .....  
(jika berkenaan)

Kerakyatan ..... Bangsa ..... Jantina .....

Tarikh lahir ..... Tempat lahir .....

Profesjon/Pekerjaan .....

Nama dan alamat perniagaan .....

.....  
Alamat sekarang (yang lengkap) .....

.....  
Tarikh mula tiba di Negara Brunei Darussalam .....

.....  
Lama bermastautin di Negara Brunei Darussalam .....

Saya dengan ini memperakui bahawa

- (a) Saya telah mengenali ..... secara peribadi bagi tempoh selama ..... tahun ;
- (b) dia sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya bukan ahli mana-mana parti politik yang telah diisytiharkan menyalahi undang-undang di Negara Brunei Darussalam ;
- (c) permohonannya adalah bagi maksud yang dinyatakan oleh pemohon ;
- (d) pernyataan yang dibuat olehnya dalam permohonannya adalah benar.

Saya selanjutnya memperakui bahawa gambar-gambar yang dilampirkan adalah gambar sebenar pemohon, saya telah mengesahkan salah satu darinya dengan sewajarnya di belakang gambar itu.

Bertarikh ..... haribulan ..... 19 .....

.....  
Tandatangan Penaja

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Imigresen*

**PENG. 17**

**91**

[Tambahan]

**BORANG 5**  
Negara Brunei Darussalam  
Peraturan-Peraturan Imigresen  
**PERMIT MASUK**  
(Peraturan 4 (6))  
Dalam  
Dalam

